

Jilid III  
Bil. 55



Hari Jumaat  
1hb Disember, 1989

MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KETUJUH**  
*Seventh Parliament*

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

Petua berkenaan Peraturan 26 (1) (p)—Hak dan Kebebasan [Ruangan 9669]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 9674]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT**  
18:

Tuduhan Konspirasi Y.B. Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan terhadap Kerajaan Persekutuan—Y.B. Tuan Hsing Yin Shean (Tanjong Aru) [Ruangan 9710]

**PENERANGAN SENDIRI OLEH AHLI:**

Y.B. Tuan Shahidan bin Kassim (Arau) [Ruangan 9713]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 1990

*Jawatankuasa—*

*Jadual:*

Maksud B. 26 [Ruangan 9715]

**USUL:**

Anggaran Pembangunan 1990

*Jawatankuasa—*

Maksud 26 [Ruangan 9715]

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (PermatangPauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (OrangKaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).

- Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.I.J., P.N.B.S., D.P.M.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, D.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK, D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRs SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI AHMAD DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, P.M.P., A.M.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N. B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

- Yang Berhormat TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN @ SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL @ MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG @ GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAL (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

- Yang Berhormat TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah)
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).

Yang Berhormat TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungei Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG @ TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

 Jumaat, 1hb Disember, 1989
 

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

**PENGUMUMAN TUAN YANG  
DI-PERTUA**

**Petua berkenaan Peraturan 26 (1) (p)-  
Hak dan Kebebasan**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ruling ini dikehendaki ialah kerana ahli dari Ipoh telah membangkitkan perkara 26(1)(p) di bawah Peraturan Mesyuarat. Ahli Yang Berhormat itu berpendapat di bawah Peraturan ini mana-mana Ahli berhak bangun pada mana-mana masa mengemukakan satu usul dan meminta membahaskan perkara berkenaan dengan hak dan kebebasan.

Untuk menguatkan hujahnya dia telah pun menyebut lain-lain perenggan Peraturan Mesyuarat 26(1) di mana amalan dilakukan perkara-perkara yang bersangkutan itu telah dibahaskan dengan serta-merta. Umpamanya di bawah Peraturan 26(1)(n) Dewan boleh membahaskan dan mengeluarkan dengan serta-merta orang-orang luar. Begitu juga di bawah Peraturan 26(1)(k) di mana di dalam perbahasan sesuatu bil, usul boleh dibuat untuk menghantarkan balik sesuatu bil yang telah pun dimaklumkan kepada Majlis oleh Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis Mesyuarat. Juga di bawah Peraturan Mesyuarat 26(1)(f), usul menangguhkan mesyuarat pada lain hari.

Jika dikaji, peraturan-peraturan ini membolehkan tindakan diambil dengan

serta-merta pada masa satu-satu kejadian itu berlaku, seperti menangguhkan Majlis, mengeluarkan orang-orang luar dan sebagainya. Ini tidak dapat dinafikan. Bahkan tindakan di bawah Peraturan 26(1)(p) pun boleh dibawa ke dalam Dewan tetapi dengan syarat usul itu hendaklah dibuat pada masa kejadian itu berlaku.

Masa dan cara untuk mengeluarkan usul di bawah Peraturan 26 (1) adalah tertakluk kepada lain-lain syarat dia dalam Peraturan Mesyuarat, jika ada. Umpamanya di bawah Peraturan 26(1)(d), usul hendak mengambil apa-apa perkara dahulu daripada perkara yang lain dengan tidak mengikut susunan mesyuarat. Usul ini tertakluk kepada Peraturan Mesyuarat 14 (2) yang mengadakan dua syarat:

- (i) Usul itu hanya boleh dibuat oleh seorang Menteri.
- (ii) Hendaklah didahulukan daripada urusan-urusan lain.

Jadi, segala tindakan di bawah Peraturan Mesyuarat 26(1) itu boleh diamalkan:

- (a) pada masa kejadian itu berlaku, atau
- (b) pada masa lain yang ditentukan oleh lain-lain Peraturan.

Ini adalah nyata kerana Peraturan 26(1) itu berbunyi:

“Kecuali jika ada syarat-syarat lain dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat ini, usul-usul yang hendak dibawa ke dalam mesyuarat hendaklah didahulukan dengan pemberitahu kecuali usul-usul yang tersebut di bawah ini:”

Saya hendak mengadakan, "kecuali jika ada syarat-syarat lain di dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat".

Jadi, pada mana-mana masa pun berlaku sesuatu kejadian di dalam masa persidangan, di mana seorang ahli melakukan satu perkara "contempt" atau menghina Dewan, seorang ahli lain di dalam masa itu juga boleh membuat satu usul supaya ahli itu meminta maaf, atau jika perbuatan itu berat, atau jika kes itu berkehendakkan kepada satu penyiasatan, dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Ini biasa berlaku apabila seorang ahli bangun meminta seorang ahli lain menarik balik perkataan yang dikatakan "unparliamentary".

Masalah yang di hadapan kita sekarang bolehkah seorang ahli itu membangkitkan perkara hak dan kebebasan yang sudah berlaku, ataupun yang bukan di dalam proses seperti yang dipinta oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh. Kejadian yang dikomplennya itu ialah terjadi pada 17hb November, 1989 iaitu selepas 10 hari kejadian itu berlaku.

Pada fikiran saya, tidak boleh kerana usul ini dikehendaki dikemukakan pada masa kejadian berlaku sahaja dan juga usul itu tertakluk kepada Peraturan Mesyuarat 14 dan 15. Dan lagi perbuatan itu juga tidak praktikal kerana perkara itu telah berlaku. Umpamanya jika orang dikatakan melakukan penghinaan itu tidak ada di dalam Dewan dia tidak dapat menjawab tuduhan yang dibuat ke atasnya.

Begitu juga usul mengeluarkan orang-orang luar kenalah dibuat pada masa orang itu berada di dalam Dewan ini. Jika perbuatan hina atau "act of contempt" hendaklah diambil tindakan pada masa perbuatan atau "act of contempt" itu. Sungguhpun pada masa lain itu orang yang dikatakan melakukan perbuatan itu berada di dalam Dewan, tetapi perbuatan atau "act of contempt" perkara yang dikomplenkan itu sudah tidak ada lagi. Dan lagi hendaklah diambil kira jika orang yang berkenaan itu tidak ada di dalam Dewan.

Dasar ini ialah apa yang dipanggilkan perkara-perkara yang dikehendaki tindakan segera. Saya merujuk kepda Erskine May, Parliamentary Practice, Edisi ke 20, pada mukasurat 358 yang berbunyi begini, dengan izin,

"Urgent matters which require the immediate intervention of the House, if they should occur during the sitting of the House, may be raised at once in spite of the interruption of the debate or other proceedings".

Kejadian ini juga dipanggil kejadian di dalam Dewan, dalam pandangan Dewan atau "in full view of the House". Sila lihat mukasurat 168 dan 169, Erskine May yang sama.

Di House of Commons, sesuatu usul berasaskan kepada hak dan kebebasan, yang bukan berkehendakkan tindakan sertamerta, hendaklah dibuat dengan terlebih dahulu memberi notis kepada Speaker dengan bertulis dan Speaker berhak membenarkannya atau tidak. Jika dia membenarkannya, dia akan menetapkan susunan perbincangan usul itu di dalam susunan-urusan Mesyuarat. sila lihat Erskine May, Edisi ke 20, mukasurat 169 dan 170.

Saya telah meneliti usul yang dibuat oleh Ahli dari Ipoh yang telah dimasukkan ke dalam Aturan Urusan Mesyuarat kelmari sebagai pemberitahu usul. Saya dapati usulnya mempunyai dua persoalan. Pertama, dia memohon supaya mana-mana ahli dibolehkan membawa usul bersabit dengan hak dan kebebasan tanpa memberi notis pada mana-mana masa sahaja. Kedua, dia memohonkan sebarang perkara yang lain di dalam timbangan Majlis hendaklah ditangguh serta-merta supaya usul itu dapat dibahas dan diputuskan.

Memandangkan kepada bunyi Perkara 26 (1) iaitu **Kecuali jika ada syarat-syarat lain dalam Peraturan Mesyuarat**, ini bermakna permohonan yang kedua supaya usul ini didahulukan adalah bercanggah dengan Peraturan Mesyuarat 14 (1) yang

menetapkan aturan usul-usul bukan Kerajaan kepada Peringkat (*q*), iaitu ke bawah bukan dahulu dari itu. Usul itu juga bercanggah dengan Peraturan Mesyuarat 14 (2) yang menetapkan hanya seorang Menteri sahaja yang boleh membuat usul mendahului mana-mana urusan. Usul ini juga bercanggah dengan Peraturan 15 yang menentukan tiap-tiap hari persidangan, urusan Kerajaan hendaklah didahulukan.

Ahli Yang Berhormat itu di dalam hujahnya di dalam mengemukakan Peraturan 26 (1) (*p*) itu boleh dibuat pada mana-mana masa, telah mengambil kira Peraturan 80 (1) yang menyatakan hendaklah diserahkan apa-apa perkara yang nampaknya menyetuh hak dan kebebasan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Tetapi Ahli itu tidak mengambil kira Peraturan 14 dan 15 yang menetapkan masa dan bila sebuah usul yang bukan dari Kerajaan dibahaskan. Pada fikiran saya, usul Ahli dari Ipoh tidak dapat ditimbang-kan tanpa meminda Peraturan Mesyuarat Dewan terlebih dahulu.

Saya dukacita kerana mengambil masa panjang untuk membuat petua-petua ini. Tetapi memandangkan apa yang telah berlaku pada 27hb dan 28hb November ini, iaitu tindakan-tindakan yang bercanggah dengan Peraturan Mesyuarat 43, saya terpaksa membuat petua-petua ini untuk mengelakkan salah sangka bahawa kami yang duduk di kerusi ini telah menyalahgunakan kuasa-kuasa kami dengan menutup mulut ahli-ahli dari bercakap di atas apa yang mereka kata hak mereka.

Saya telah membuat petua-petua seperti ini pada 27hb November, 1986. Saya mengesahkan keputusan saya yang lama itu. Dan juga saya mengesahkan keputusan saya yang dibuat di dalam surat saya bertarikh 25hb November, 1989 menolak permohonan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh yang memohon supaya dia dibenarkan mengemukakan usul di bawah hak dan kebebasan yang luar daripada masa yang berlaku.

## JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

### MEMOHON SURAT BERANAK/ KAD PENGENALAN

1. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri dalam Negeri menyatakan adakah Kementerian beliau sedar bahawa ada kesulitan tentang orang awam yang memohon surat beranak dan kad pengenalan di mana si pemohon menunggu sehingga dua, tiga tahun sebelum surat beranak dan kad pengenalan boleh disiapkan. Kalau ia, apakah tindakan Kementerian itu untuk mempercepatkan proses tersebut.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memang sedar mengenai perkara ini. Tetapi hanya dihadapi oleh mereka yang tidak melaporkan kelahiran kanak-kanak dalam tempoh yang ditetapkan oleh Akta atau Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kementerian.

Dengan kerana itu setiap permohonan dalam kategori ini akan dikaji dengan teliti bagi memastikan maklumat yang dikemukakan adalah benar dan jitu. Proses tersebut tentunya akan mengambil masa yang lebih sedikit daripada keadaan biasa.

Antara langkah-langkah yang diambil untuk mempercepatkan proses ini termasuklah:

- (a) mengatur perkhidmatan pendaftaran bergerak ke kawasan-kawasan pendalaman dan ke kawasan-kawasan yang mempunyai ramai penduduk yang tidak mempunyai sijil kelahiran atau kad pengenalan;
- (b) mendapatkan kerjasama dari Jabatan Perubatan dan Kesihatan Negeri untuk mengumpul maklumat mengenai kelahiran; dan

- (c) memaklumkan kepada orang ramai mengenai kepentingan memiliki sijil kelahiran dan kad pengenalan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam usaha Kerajaan untuk mempercepatkan kad pengenalan adalah difahamkan bahawa satu kad pengenalan baru akan dikeluarkan oleh Kerajaan yang kita difahamkan sebelum ini. Sejauh manakah usaha pelaksanaan ke arah kad pengenalan baru yang di ura-urakan oleh Kerajaan sebelum ini?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, segala persiapan telah pun dijalankan untuk kita mengeluarkan kad pengenalan baru yang lebih selamat dan lebih teratur dan, insya Allah, pada 1hb Jun tahun ini, kad pengenalan yang pertama akan keluar.

**Tuan Mutang Tagal:** Adakah Kementerian menggunakan komputer dalam menguruskan masalah mengenai dengan pengeluaran ataupun penerosesan kad pengenalan di seluruh negara oleh kerana dengan menggunakan komputer yang cukup, saya rasa dapat kita memproseskan kad pengenalan dengan cepat. Dan saya ingin tahu sama ada Pasukan Petugas Khas yang telah disediakan sudah pun bergerak di seluruh negara untuk memproseskan masalah yang masih dihadapi oleh rakyat di Hulu Sungai ataupun di kampung-kampung, terutama di Sarawak. Dan saya ingin tahu kawasan saya iaitu berdekatan Brunei-Lawas dan Limbang. Dan kebanyakan rakyat di kawasan saya tidak mempunyai kad pengenalan oleh kerana mereka dilahirkan di Brunei sebelum tahun 1963 walaupun bapa dan emak mereka adalah warganegara British ataupun warganegara Malaysia sebelum kita masuk ke Malaysia. Dan saya ingin tahu oleh kerana beratus mereka tidak mempunyai kad pengenalan sama ada kementerian mempunyai satu dasar, membuat satu dasar "across-the-board" supaya mereka yang dilahirkan di Brunei sebelum 1963 oleh kerana tidak ada hospital di Limbang dan Lawas, diberi pertimbangan yang istimewa supaya mereka mendapat kad pengenalan daripada Kementerian.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah meneliti soalan tambahan yang dibuat oleh Yang Berhormat tadi. Saya dapati ada dua perkara. Satu ialah masalah kad pengenalan dan sijil beranak bagi rakyat negara kita ini. Kedua ialah memproseskan kerakyatan bagi rakyat yang belum tentu tahu adakah rakyat kita. Dengan sebab itu, saya tidak akan menyentuh perkara kedua ini kerana saya ingat terkeluar daripada soalan asal.

Berkenaan dengan masalah komputer, komputer boleh disediakan kalau butir-butir yang dinyatakan dalam borang tertentu diisi dengan baik dan tersusun, barulah komputer boleh menerima. Dengan sebab itu, sungguhpun komputer ada digunakan oleh Jabatan Pendaftaran namun kalau kita tidak dapat butir-butir yang lengkap daripada ibubapa tentang kelahiran anak-anak mereka adalah sukar bagi kita untuk memproseskan. Tetapi bagi negeri Sarawak, ingin saya nyatakan Tuan Yang di-Pertua, daripada 224,534 permohonan daftar lewat tentang kelahiran, Jabatan Pendaftaran telah menyelesaikan 220,521. Ini bermakna hanya 4,013 sahaja yang tidak diselesaikan iaitu merupakan 1.89% sahaja yang belum dapat diselesaikan. Ini menunjukkan bahawa Jabatan Pendaftaran menjalankan kerja.

## JANGAN MEROKOK—PENALTI LANGGAR PERATURAN

2. **Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah tindakan yang akan diambil terutamanya jenis penalti yang dikenakan kepada mereka yang melanggar peraturan "Jangan Merokok" di dalam hospital-hospital.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Chua Jui Meng):** Tuan Yang di-Pertua, tindakan yang diambil oleh Kementerian Kesihatan kepada mereka yang melanggar peraturan "Jangan Merokok" bukanlah berupa tindakan penalti. Kementerian ini mempunyai cara pendekatan yang berbentuk pendidikan kesihatan. Dengan cara ini kesedaran orang

ramai mengenai bahaya merokok akan dipertingkatkan dan dengan demikian mereka akan memberikan kerjasama kepada pihak hospital untuk mematuhi peraturan larangan merokok.

Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian ini ialah mempertingkatkan lagi kempen anti-rokok melalui ceramah, media massa dan sebagainya dan memasang serta mengedarkan lebih banyak poster dan risalah-risalah. Di samping itu, sebagai contoh dan teladan kepada orang ramai, kakitangan hospital juga dilarang merokok di kawasan hospital.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah tindakan yang akan diambil kalau seseorang yang berada di kawasan hospital masih berdegil untuk mengindahkan peraturan bahawa mereka tidak dibenarkan merokok di dalam kawasan hospital-hospital tersebut.

Setakat ini adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengambil tindakan yang lebih tegas lagi kalau masih terdapat mereka yang masih berdegil untuk merokok di kawasan hospital.

**Tuan Chua Jui Meng:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertama kalau seseorang berdegil dan masih hendak berterusan merokok dalam kawasan hospital, kita akan memanggil pengawal keselamatan untuk menyuruh orang itu berhenti merokok. Kalau dia degil lagi kita mempunyai kuasa dalam undang-undang am iaitu hak seorang tuan punya tanah, sebab Kerajaan ialah tuan punya tanah, pemilik hospital dan kita ada hak. Kalau seseorang hendak masuk, kita benarkan dia masuk. Tetapi kalau dia hendak masuk dan hendak terus berada di dalam kawasan hospital dia hendaklah mematuhi peraturan-peraturan hospital. Kalau tidak mematuhi kita ada hak di dalam undang-undang am untuk menyuruh dia keluar daripada hospital.

Mengenai soalan kedua, saya minta maaf. Saya harap Yang Berhormat akan mengulangi soalan bahagian kedua itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat Yang Berhormat sudah jawab.

**Tuan Madatang bin Morejal:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mempunyai angka bilangan doktor-doktor dan pembantu-pembantu hospital yang turut terlibat dalam merokok di hospital-hospital di seluruh negara dan jika ada, adakah penalti yang dikenakan kepada orang awam itu juga akan dikenakan kepada mereka. *(Ketawa)*

**Tuan Chua Jui Meng:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Badau yang begitu berminat dalam perkara ini. Tetapi kita dalam Kementerian daripada maklum balas yang kita terima daripada hospital-hospital di seluruh negara, kita ada satu maklum balas yang baik iaitu kakitangan-kakitangan ada berdisiplin di hospital-hospital dan sampai kini tidak ada satu kes atau masalah berkaitan dengan kakitangan yang tidak menghiraukan kepada peraturan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan untuk melarang merokok.

### STRUKTUR BARU PERKHIDMATAN PENTADBIRAN-KAJIAN

3. **Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah benar bahawa Kerajaan melalui JPA telah memperkenalkan struktur baru perkhidmatan pentadbiran di dalam perkhidmatan awam, jika benar adakah struktur baru perkhidmatan pentadbiran tersebut meliputi perkhidmatan negeri (seperti Kelantan, Kedah, Terengganu dan Johor). Misalnya perkhidmatan perkeranian negeri-negeri tersebut yang mana ianya melibatkan jawatan pegawai kerani rendah tidak diperlukan lagi dan penyandang-penyandang diberi peluang kenaikan pangkat secara

lantikan (KPSL) ke jawatan pegawai kerani tingkatan biasa dan pegawai kerani kanan dibolehkan naik ke tanggungaji tingkatan tertinggi tanpa menunggu kekosongan dalam jawatan tersebut; dan

- (b) adakah Kerajaan sedar bahawa perkhidmatan Persekutuan dan negeri adalah sama sahaja bahkan beratus-ratus orang pegawai kerani negeri seperti di Kelantan Perkhidmatan di Jabatan Persekutuan di negeri tersebut. Layanan-layanannya berbeza antara perkhidmatan Persekutuan dan negeri. Jika sedar, apakah tindakan selanjutnya yang akan dijalankan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi menyelesaikan masalah tersebut.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman):** Tuan Yang di-Pertua, jawabnya ya. Kerajaan telah menyusun semula struktur perkhidmatan pentadbiran dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang membuat kajian mengenai kesesuaian melaksanakan struktur baru perkhidmatan pentadbiran ini di Perkhidmatan Awam Negeri, Badan-badan Berkanun dan Penguasa-penguasa Tempatan. Kajian ini perlu dilaksanakan bagi memastikan sama ada struktur perkhidmatan yang baru itu sesuai dilaksanakan di Perkhidmatan Awam Negeri, Badan-badan Berkanun dan Penguasa-penguasa Tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, penyusunan semula struktur perkhidmatan pentadbiran ini melibatkan pembahagian semula fungsi perkhidmatan-perkhidmatan yang terlibat termasuk juga Perkhidmatan Pegawai-pegawai Kerani Rendah. Jawatan-jawatan Pegawai Kerani Rendah yang melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang setanding dengan Pegawai Kerani akan dinaikkan tarafnya ke Perkhidmatan Pegawai Kerani. Manakala yang tidak setanding akan diturunkan

tarafnya ke Perkhidmatan Pembantu Am Rendah. Bagaimanapun, Perkhidmatan Pegawai Kerani Rendah itu masih terus dipakai bagi menampung penyandang-penyandang yang masih kekal dalam perkhidmatan itu. Pegawai Kerani Rendah yang telah memenuhi syarat-syarat memasuki Perkhidmatan Pegawai Kerani akan ditimbangkan untuk perlantikan ke Pegawai Kerani Tingkatan Biasa melalui urusan kenaikan pangkat secara lantikan. Sementara Pegawai Kerani Tingkatan Kanan atas tanggungaji C3 pula, mereka boleh ditimbangkan untuk melangkah sekatan kecekapan ke tanggungaji C1 sekiranya telah memenuhi syarat-syarat melangkah sekatan kecekapan berkenaan. Oleh sebab urusan ini hanya melangkah sekatan kecekapan di bawah tanggungaji yang sama maka peningkatan itu tidak tertakluk kepada kekosongan jawatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang membuat kajian mengenai melaksanakan struktur baru perkhidmatan pentadbiran ini di Perkhidmatan Awam Negeri, Badan-badan Berkanun dan Penguasa-penguasa Tempatan. Jika didapati sesuai, maka tugas dan tanggungjawab jawatan-jawatan ini di bawah struktur perkhidmatan pentadbiran yang ada sekarang ini di Perkhidmatan Awam Negeri, Badan-badan Berkanun dan Penguasa-penguasa Tempatan akan diagih-agihkan sebagaimana yang telah dilaksanakan di peringkat Persekutuan.

Oleh sebab Perkhidmatan Pegawai Kerani dan Pegawai Kerani Rendah di semua Perkhidmatan Awam Negeri terlibat dengan kajian kesesuaian pemakaian struktur perkhidmatan pentadbiran yang baru, maka ianya telah dikaji bersama dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang terlibat.

#### LEMBAGA KOKO MALAYSIA

4. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan setelah tertubuhnya Lembaga Koko Negara kira-kira setahun yang lalu apakah langkah-

langkah yang telah diambil oleh Lembaga ini dalam meningkatkan prestasi pengeluaran mutu dan pendapatan petani dan pekebun kecil di samping apakah Lembaga akan menetapkan harga kawalan minima seperti yang dibuat oleh LPN kepada pesawah-pesawah padi (harga padi).

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato Alias bin Md. Ali):** Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Koko Malaysia telah ditubuhkan oleh Akta Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) 1988 yang mula dikuatkuasakan pada 1hb Februari 1989.

Buat masa ini Lembaga sedang dalam proses melengkapkan organisasi pengurusannya dengan pegawai-pegawai serta kakitangan dan juga "facility" yang diperlukan bagi menjalankan fungsi-fungsinya. Walau bagaimanapun, Lembaga Koko Malaysia telah merangka plan strategi korporat ke arah mencapai objektif serta matlamat Lembaga yang merangkumi program-program bertujuan meningkatkan kecekapan pengeluaran serta daya persaingan industri koko Malaysia melalui langkah-langkah peningkatan produktiviti, mengurangkan kos dan meninggikan mutu biji koko Malaysia yang mana akhirnya akan meningkatkan pendapatan pengeluaran-pengeluar koko khususnya pekebun-pekebun kecil.

Mengenai harga kawalan minima komoditi koko adalah berbeza daripada padi di mana pengeluaran padi adalah sematamata untuk kegunaan tempatan sementara koko dipasarkan di pasaran antarabangsa di luar negeri. Walau bagaimanapun, perkara ini dikaji berdasarkan perkembangan pasaran dari masa ke semasa.

#### **PUSAT PEMULIHAN DADAH SERENTI SUNGAI PETANI**

**5. Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah sebab-sebab 80 penghuni di Pusat Pemulihan Dadah, Jalan Kuala Ketil melakukan amok pada bulan September lalu, dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk

mengelakkan kejadian-kejadian seperti ini daripada berulang lagi.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku di Pusat Pemulihan Dadah Serenti Sungai Petani pada bulan September lalu bukanlah satu pengamokan 80 orang penghuni tetapi hanyalah satu kekacauan yang melibatkan lebih kurang 20 orang penghuni sahaja. Peristiwa ini berpunca dari satu pertengkaran kecil di antara dua orang penghuni tetapi telah merebak apabila penghuni-penghuni lain campur tangan.

Langkah-langkah telah pun dan akan terus diambil untuk memperketatkan lagi kawalan serta menambahkan program bagi meningkatkan perasaan keharmonian dan persefahaman di antara penghuni-penghuni di Pusat Serenti tersebut.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi kerana beliau menyatakan kepada Dewan ini hanya 2 orang sahaja yang terlibat tetapi telah merebak sehingga 20 orang terlibat kerana mereka campur tangan. Saya hendak tahu apakah sebab seramai 20 orang ini boleh campur tangan?

Kedua, apakah tindakan yang diambil terhadap mereka yang terlibat ini?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah masyarakat yang majmuk, perkara itu bukanlah satu perkara yang anih kerana ia juga berlaku di dalam Parlimen ini. (*Tepuk*) Dua orang bertengkar akhirnya bergemuruh, semuanya masuk campur. Begitulah juga di Pusat Serenti ini, ia bersabit dengan hanya baju panas, seorang penghuni berketurunan Cina mengatakan bahawa seorang penghuni Melayu mencuri baju panasnya dan ada terbukti. Bila terbukti maka penghuni Melayu ini membuka baju itu dan mencampaknya masuk ke dalam parit, maka berlakulah pertengkaran dan dari pertengkaran itu maka timbullah caci mencaci hal kaum. Maka apabila itu ber-

laku, yang lain yang mendengar pun sakit hati maka berlakulah pergaduhan seperti mana kita dengar selalu dalam Parlimen. Jadi ini bukanlah satu perkara yang anih, tetapi inilah perkara yang berlaku.

### MAS-KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI

**6. Dr Abdul Hadi bin Derani** minta Menteri Pengangkutan menyatakan akaun untung-rugi Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) bagi tahun kewangan 1988/1989 dan perbandingannya dengan tahun-tahun kewangan 1986/1987 dan 1987/1988. Adakah MAS bercadang untuk memberi insentif-insentif tambahan kepada kakitangan-kakitangan memandangkan keuntungan semasa.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, keuntungan selepas cukai yang dicatatkan oleh Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) bagi tahun kewangan 1988/1989 dan perbandingan dengan tahun-tahun kewangan 1986/1987 dan 1987/1988 adalah seperti berikut:

1986/1987	— \$112,211,000
1987/1988	— \$151,456,000
1988/1989	— \$154,382,000

Di samping telah memberikan insentif yang berpatutan kepada kakitangan dengan pembayaran bonus sebanyak dua bulan gaji bagi tahun-tahun kewangan 1986/1987 dan 1987/1988 dan satu setengah bulan gaji bagi tahun kewangan 1988/1989, pengurusan MAS tidak bercadang untuk memberikan insentif tambahan dalam bentuk kewangan kepada pekerja-pekerjanya.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada hakikat bahawa keuntungan MAS telah meningkat, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa bonus ada dibayar kepada kakitangan-kakitangan MAS. Di sini saya suka bertanya sama ada Yang Berhormat sedar bahawa buat masa kini kakitangan-kakitangan MAS tidak mendapat pinjaman perumahan dan faedah

perubatan untuk keluarga kakitangan-kakitangan MAS. Adakah pihak berkuasa bercadang untuk memberi pertimbangan kepada pemberian pinjaman perumahan dan juga bayaran faedah perubatan

Kedua ialah bagi kakitangan yang tidak menggunakan penerbangan MAS keluar negeri dengan percuma ataupun dengan potongan tambang atas sebab mereka tiada wang untuk melancong, saya ingin bertanya sama ada pihak Kementerian berkenaan bercadang untuk membayar bayaran saguhati kepada mereka yang berkenaan?

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah buat masa kini pinjaman perumahan tidak diadakan untuk kakitangan MAS dan sama ada untuk mengadakan atau tidak, saya rasa terpulang kepada pihak pengurusan MAS sendiri untuk menimbang dan berbincang dengan pihak Kesatuan Sekerja.

Mengenai kemudahan-kemudahan yang lain, saya difahamkan bahawa kemudahan perubatan ada. Saya hairan juga mengapa Yang Berhormat kata tidak ada kemudahan-kemudahan perubatan bagi keluarga, mungkin agaknya untuk ibubapa . .

**Tuan Lee Lam Thye:** Penjelasan.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** . . secara detailnya saya tidak ada maklumatnya di sini.

**Tuan Yang Di-Pertua Yang Berhormat,** saya minta maaf. Yang Berhormat tidak dibenarkan dalam masa soal jawab meminta penjelasan. Sila teruskan.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Selain daripada itu tambang percuma naik kapal terbang MAS memang ada tetapi ada juga rebate untuk maksud seperti Yang Berhormat katakan tadi. Selain daripada itu cuti tahunan mengikut peringkat kerja masing-masing, latihan perkhidmatan, pinjaman untuk membeli kereta, untuk membeli komputer dan juga pinjaman persendirian diadakan.

**Dr AbdulHadi bin Derani:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimanakah pembayaran bonos dibuat kepada kakitangan-kakitangan MAS? Saya difahamkan bahawa ada kalanya di mana bonus dibayar secara berperingkat-peringkat, iaitu dibayar setengah dahulu dan setengah lagi selepas tempoh masa beberapa bulan kemudian. Adakah ini benar dan bagaimanakah ia boleh berlaku?

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, sama ada benar atau tidak, saya tidak tahu maklumat itu. Cuma pada pendapat saya bayaran bonus terpulang kepada pihak pengurusan. Kalau pihak pengurusan mempunyai kewangan sejumlah yang cukup, dibayar terus tetapi kalau tidak cukup, rasa saya boleh juga bertolak ansur berperingkat-peringkat.

**Beberapa Ahli: (Bangun)**

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa sudah cukuplah Ahli-ahli Yang Berhormat. Nanti pula yang hendak bertanya sama ada ada kerja kosong atau tidak. (*Ketawa*)

**Yang Berhormat Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin.**

(*Soalan No. 7 Y. B. Tuan Nasruddin bin Alang Saidin tidak hadir*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr Eng Seng Chai.

(*Soalan No. 8 Y. B. Dr Eng Seng Chai tidak hadir*)

## **RACUN DAN BAJA-KENAIKAN HARGA**

**9. Tuan Jawah Anak Gerang** minta Menteri Pertanian menyatakan sebab-sebab harga racun dan baja telah naik sedangkan harga barang-barang utama seperti koko dan lada hitam telah jatuh baru-baru ini dan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk membantu para petani semasa harga-harga merosot.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Ong Tin Kim):** Tuan Yang di-Pertua, harga racun dan baja adalah dipengaruhi oleh keadaan inflasi ekonomi dunia. Racun dan baja yang diedarkan di Malaysia adalah dibuat daripada ramuan-ramuan yang diimport. Disebabkan keadaan inflasi ekonomi dunia melebihi 4% setahun dan turun naik nilai matawang asing, maka harga racun dan baja telah meningkat.

Harga barang-barang utama yang dikeluarkan di Malaysia seperti koko dan lada hitam sebaliknya tidak ada hubungkait dengan harga input baja dan racun. Koko dan lada hitam merupakan komoditi yang dieksport. Harga eksport komoditi-komoditi ini sentiasa berubah bergantung kepada faktor-faktor seperti permintaan pasaran dan keadaan penawaran.

Malaysia walaupun sebuah negara pembekal utama koko dan lada hitam, tidak mempunyai kuasa untuk mempengaruhi harga dunia bagi barangan-barangan ini.

Kebelakangan ini oleh kerana penawaran barangan koko dan lada hitam dunia telah melebihi permintaan maka harga barangan ini telah jatuh

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk membantu para petani semasa harga-harga merosot boleh dibahagikan kepada dua iaitu:

Yang pertama, meningkatkan daya persaingan penanaman koko dan lada hitam dengan:

- (a) mengurangkan kos pengeluaran melalui langkah-langkah penyelidikan dan pengembangan yang berkesan dan juga usaha meningkatkan produktiviti;
- (b) meningkatkan pemprosesan koko basah kepada koko kering oleh pekebun kecil melalui kemudahan pemprosesan kelompok yang masih belum meluas;

- (c) meningkatkan penjualan koko dan lada hitam bermutu melalui "grading";
- (d) meningkatkan penggunaan hasil koko melalui tumpuan penyelidikan end-use dan by-utilization, dengan izin.

Yang kedua ialah mengurangkan risiko serta meningkatkan pendapatan ladang pekebun kecil dengan

- (a) meningkatkan penyelidikan dan pengembangan sistem tanaman selingan koko dengan kelapa dan buah-buahan yang berpotensi;
- (b) meningkatkan penyelidikan sistem "mixed-farming" dan seterusnya pemindahan teknologi melalui usaha pengembangan yang lebih berkesan.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat mengawal harga antarabangsa bagi koko dan lada hitam. Kita boleh menolong pekebun kecil yang menanam kedua-dua barang-barang itu dalam mengurangkan kos pengeluaran bagi kedua-dua barangan itu dan soalan saya ialah adakah pihak Kementerian Pertanian pernah mengkaji kemungkinan beberapa langkah seperti berikut:

- (a) mengurangkan duti import bagi bahan-bahan yang digunakan untuk membuat baja dan racun;
- (b) mengecualikan duti eksport bagi lada hitam sama sekali; dan
- (c) mencari secara penyelidikan dan langkah-langkah yang wajar untuk membuat baja-baja dan racun dengan bahan-bahan tempatan supaya kos tidak dikesankan oleh perubahan harga antarabangsa bagi bahan-bahan utama itu.

**Tuan Ong Tin Kim:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana mencadangkan beberapa langkah yang

boleh dikatakan sesuai untuk diambil perhatian oleh Kementerian saya. Berkenaan dengan mengurangkan import duti atas baja-baja atau ramuan-ramuan yang digunakan untuk membuat baja itu, saya ingat pada penggal Parlimen ini kita telah mengurangkan import duti atas ramuan-ramuan untuk membuat baja dan "pesticide". Berkenaan dengan pengecualian duti eksport bagi pengeluaran koko dan lada hitam itu, ini saya ingat bukan dalam kuasa Kementerian Pertanian tetapi kita boleh timbang untuk mencadangkan kepada Kementerian Kewangan berkenaan dengan hal itu.

Berkenaan dengan langkah-langkah untuk menggunakan barang-barang tempatan untuk menjadikan baja itu, MARDI sedang mengkaji menggunakan bahan-bahan pokok ataupun bark of the tree, dengan izin, untuk dijadikan baja ataupun lain-lain barang untuk menjadi baja bagi tanam-tanaman.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohammed Yusoff bin Haji Abdul Latiff.

*(Soalan No. 10Y.B. Tuan Haji Mohamed Yusoff bin Haji Abdul Latiff tidak hadir)*

## PROGRAM PETANI SISWAZAH

**11. Tuan M.G. Pandithan** minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh mana berjayanya Skim Siswazah Petani. Berapa luas tanah yang telah dikerjakan dan apa jenis tanaman.

**Tuan Ong Tin Kim:** Tuan Yang di-Pertua, pencapaian di bawah Program Petani Siswazah adalah menggalakkan di mana sehingga bulan Oktober 1989, seramai 893 orang siswazah telah mendaftar dengan Kementerian Pertanian untuk menyertai program ini.

Daripada jumlah tersebut, seramai 273 orang siswazah telah pun melibatkan diri dalam 169 buah projek yang meliputi kawasan seluas 1,189.65 hektar.

Di antara jenis-jenis projek yang diusahakan ialah:

- (a) Sayur-sayuran;
- (b) padi;
- (c) jagung;
- (d) betik;
- (e) pisang;
- (f) belimbing besi;
- (g) jambu batu;
- (h) tapak semaian buah-buahan dan bunga-bunga;
- (i) ternak lembu;
- (j) ternak kambing;
- (k) ternak ayam;
- (l) ternak ikan air tawar.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, apakah Skim Siswazah Petani ini hanya dilaksanakan sebagai kegiatan sambilan atau sementara sahaja sambil siswazah-siswazah tersebut menunggu untuk mendapatkan pekerjaan lain yang tetap. Tidakkah boleh ianya dilaksanakan secara Komersial atau projek-projek yang berbentuk daya maju yang membolehkan siswazah-siswazah yang berkenaan itu meneruskan projek-projek pertanian itu secara bersungguh-sungguh dan berterusan?

Pertanyaan saya yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah bolehkah dimaklumkan kepada Dewan ini setakat ini berapakah hitung panjang pendapatan bulanan bagi setiap siswazah yang menyertai skim projek-projek pertanian tersebut?

**Tuan Ong Tin Kim:** Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan soalan tambahan pertama itu, suka saya menerangkan kepada Dewan yang mulia ini Program Petani Siswazah ini diwujudkan dengan tujuan untuk memodenkan sektor pertanian bukan untuk sementara sahaja. Tujuan kita, kita hendak melatih siswazah-siswazah kita yang benar-benar minat melaburkan diri di arena pertanian. Kita cuba melatih mereka supaya mereka boleh mengubah pertanian secara tradisional kepada pertanian secara moden yang berorientasikan komersial menerusi penyerapan golongan muda yang terlatih.

Berkenaan soalan yang kedua itu, saya tidak ada anggaran tepat mengenai pendapatan bagi setiap siswazah dalam projek-projek siswazah itu. Tetapi saya ingat anggaran ini sukar dirumuskan kerana sehingga ini program ini cuma dalam peringkat awal. Susah pada peringkat ini dijangka sejauhmanakah kejayaan yang kita dapat dari program ini.

**Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, dari jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi ternyata bahawa setakat ini Kementerian hanya menumpukan Program Siswazah Tani ini hanya di dalam bidang pengeluaran sahaja iaitu bidang bercucuk tanam di mana risiko-risikonya adalah tinggi. Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, adakah rancangan-rancangan untuk melibatkan siswazah-siswazah tani ini di dalam bidang pemerosesan dan pemasaran dan juga adakah Kementerian bercadang melibatkan siswazah-siswazah tani ini yang telah dilatih di dalam bidang pertanian keseluruhannya untuk menswastakan beberapa agensi Kerajaan di dalam Kementerian Pertanian seperti di dalam agensi-agensis pengeluaran bahan-bahan pertanian?

**Tuan Ong Tin Kim:** Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan soalan tambahan yang pertama itu, Kementerian Pertanian bukan sahaja mengadakan Program Melatih Siswazah dalam bidang pertanian. Kita juga ada melatih siswazah menceburkan ataupun menyertai memproses barang-barang cucuk tanam ataupun proses buah-buah processing untuk dijadikan Fruit Juice, dengan izin. Tetapi terpulang kepada siswazah itu, adakah mereka berminat menceburkan dirinya dalam bidang ini, juga kita ada melatih siswazah kita untuk market tanaman mereka di pasar-pasar tani dan di mana-mana juga, tetapi itu juga terpulang kepada siswazah itu. Adakah mereka ini beminat di dalam bidang ini? Setakat yang saya tahu ini ada juga siswazah yang berjaya dalam membuat marketing keluaran pertanian dan keluaran hasil tanaman dari negara kita.

Berkenaan dengan melatih siswazah atau orang muda itu kalau pada keseluruhannya

untuk mengambilalih agensi itu, setakat ini kita tidak ada satu cadangan atau rancangan yang tepat ataupun konkrit pada masa ini, tetapi kita akan mengambil perhatian dan timbangan dalam perkara ini.

### KEMUDAHAN ASAS SUKAN

**12. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan rancangan-rancangan Kerajaan dari segi menyediakan kemudahan-kemudahan asas di seluruh negara sebagai rancangan susulan untuk mengekalkan kecemerlangan kesukanan yang tercapai bagi Sukan Sea 1989 baru-baru ini. Nyatakan juga kos dalam Jabatan-jabatan, serta agensi-agensi Kerajaan yang dilibatkan.

**Menteri Belia dan Sukan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kemudahan-kemudahan asas sukan di seluruh negara diakui tidak mencukupi. Sungguhpun demikian, kemudahan-kemudahan yang ada itu telah sedikit sebanyak membantu dalam meningkatkan dan menghasilkan atlit-atlit yang telah menunjukkan kejayaan baru-baru ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan sentiasa berusaha untuk menambah dari masa ke semasa kemudahan-kemudahan sukan dan juga mempertingkatkan taraf mutu kemudahan-kemudahan yang sedia ada.

Rancangan-rancangan telah, sedang dan akan diteruskan ialah pembinaan kemudahan-kemudahan sukan di bandar-bandar kecil di seluruh pelusuk tanahair. Usaha untuk mempertingkatkan taraf mutu kemudahan-kemudahan yang sedia ada yang telah dibangunkan sejak beberapa tahun kebelakangan ini juga diteruskan. Satu bidang yang tidak kurang pentingnya dengan kemudahan-kemudahan asas sukan ialah pengwujudan satu kumpulan jurulatih yang bertauliah dan berkemampuan untuk mengendalikan program-program latihan sukan di semua peringkat. Negara kita masih lagi berkurangan dalam perkara ini dan dalam satu lawatan saya baru-baru ini ke

Republik Demokratik Jerman saya dapati bahawa kecemerlangan negara tersebut dalam bidang sukan dunia adalah kerana mereka mempunyai jurulatih-jurulatih yang mencukupi dan berkemampuan menjalankan tanggungjawab mereka. Justeru itu Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara akan menghasilkan seberapa banyak yang boleh jurulatih-jurulatih supaya kecemerlangan yang kita capai bukan sahaja dikekalkan bahkan dipertingkatkan lagi.

Di bidang sukan prestasi tinggi pula, projek Kompleks Sukan Negara yang boleh dianggap sebagai projek terbesar sedang dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara. Terletak di Bukit Jalil dalam daerah Sungai Besi, Wilayah Persekutuan, projek ini meliputi tapak seluas 200 ekar dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 1993. Kerja-kerja bagi Fasa 1A telah dimulakan sejak bulan Jun, 1989. Anggaran kos bagi Fasa 1A ini ialah \$62 juta.

Kompleks ini akan menempatkan Institut Sukan Negara yang akan berfungsi sebagai Pusat Sumber Sukan Negara, tempat latihan untuk atlit kebangsaan dan pusat bagi pendidikan kejurulatihan. Di samping itu, kompleks ini dirancang untuk menempatkan Stadium National, Sekolah Sukan, sebuah stadium tertutup serbaguna, sebuah gimnasium dan lain-lain kemudahan seperti dewan seminar dan persidangan.

Adalah sukar bagi saya untuk menentukan kos bagi kemudahan-kemudahan sukan yang dilaksanakan oleh Kerajaan kerana usaha ini juga dijalankan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri, Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan yang terlibat secara langsung ialah Kementerian Belia dan Sukan termasuk Majlis Sukan Negara, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kerjaraya, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**Dato' Haji Mohamed Abu Bakar bin Rautin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua,

soalan tambahan. Banyak rancangan-rancangan yang telah disediakan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan sukan diperingkat negeri oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Tetapi sebagaimana kita sedia maklum rancangan-rancangan tersebut tinggal sebagai rancangan sahaja oleh sebab Kerajaan Negeri tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi.

Saya ingin tahu apakah usaha Kerajaan Pahang untuk membantu Kerajaan-kerajaan Negeri khususnya dari segi mengadakan kemudahan-kemudahan sukan di peringkat-peringkat daerah, mengadakan mini-mini di mana di peringkat-peringkat daerahlah kita dapat mencungkil bakat-bakat jaguh-jaguh sukan yang akan datang.

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya dapati sejak kebelakangan ini bahkan sejak saya menjadi Ahli Dewan, keutamaan kepada membina kemudahan-kemudahan sukan oleh Kerajaan adalah amat rendah sekali khususnya daripada Kementerian Belia dan Sukan. Jadi, saya ingin tahu sama ada Kerajaan ingin mendapat bantuan dan sokongan juga kerjasama daripada pihak swasta untuk memberi sumbangan dari segi menyediakan kemudahan-kemudahan.

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, di antara bantuan-bantuan yang boleh diberikan oleh Kerajaan Persekutuan termasuklah bantuan pembangunan, misalnya oleh Negeri Kedah perubahan-perubahan kepada Stadium Besar adalah daripada peruntukan Kementerian Belia dan Sukan. Saya akui bahawa peruntukan untuk kemudahan-kemudahan sukan di luar bandar terlalu rendah pada masa ini dan kita akan berusaha untuk menambahkan pada masa-masa yang akan datang.

Dari segi masalah mendapatkan sumbangan daripada sektor swasta ini hanya akan dapat dilakukan kalau sekiranya projek itu boleh mendatangkan hasil kepada sektor swasta, biasanya sumbangan sektor swasta adalah dalam bentuk penajaan, kerana melalui penajaan pertandingan-pertandingan, mereka dapat nilai

pengiklanan yang besar, Kalau sekiranya kita mahu sektor swasta terlibat, maka kita mesti pastikan bahawa projek itu boleh memberi hasil kepada mereka.

### PROJEK KILANG ALUMINIUM SMELTING-STRUKTUR SAHAM/KAJIAN EIA

**13. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) butir-butir struktur saham terhadap Projek Kilang Aluminium Smelting yang dicadangkan diletakkan di Bintulu;
- (b) sama ada Enviromental Impact Assesment Study telah siap disediakan sebagai pra-syarat untuk MIDA meluluskan projek tersebut dilancarkan, dan jika ia, bilakah akan laporan EIA dibenarkan untuk rujukan dan kajian orang ramai; dan
- (c) bilakah Projek itu akan dilaksanakan.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat):** Tuan Yang di-Pertua, maklumat mengenai struktur saham yang telah dilakukan untuk projek ini telah pun diberi dalam jawapan kepada soalan yang sama yang juga dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Bandar Kuching pada 13hb Oktober, 1988. Semenjak tarikh itu syarikat belum lagi menentukan dengan muktamad pemegang-pemegang saham dalam projek ini.

Mengenai kajian "Enviromental Impact Assesment Study" (E.I.A.) adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah menerima cadangan "Terms of Reference" bagi menjalankan kajian E.I.A. tersebut daripada syarikat berkenaan pada 18hb september, 1989, dan telah menerima pada dasarnya "Terms of Reference" itu pada 4hb November, 1989. Sekarang terserahlah kepada syarikat untuk menyiapkan kajian tersebut dan Kerajaan akan hanya membenarkan pelaksanaan projek ini apabila kajian E.I.A. ini telah diluluskan.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, minta maaf kerana ini kali ketiga saya cuba dapat jawapan tidak dapat. Dalam jawapan yang diberi kepada saya tahun lalu itu, Yang Berhormat Menteri sendiri pun belum pasti sama ada partner asing itu syarikat Perancis ataupun syarikat Jepun. Pada tahun yang lespun nampaknya belum ditetapkan. Memandangkan bahawa EIA pun belum dijalankan, hanya diberi terms of reference, apakah telah terjadi dengan projek ini? Adakah dia sudah tidur, bekukah ataupun dia terus dijalankan sebab ini projek besar yang akan membelanjakan seribu juta ringgit. Itu maklumat yang saya berhak dapat.

**Dato' Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, kalau ada orang tidur. Itu bukan Kerajaan kita (Tepuk) itu adalah syarikat penganjur. Kerajaan tidak boleh memproses permohonan ini dengan teliti kalau pemohon-pemohon tidak kerjajangan rajin. Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menjelaskan jawapan saya pada 13hb Oktober, 1988 pada masa itu saya ada menjelaskan satu ekuiti adalah bumiputera 35%, lain-lain rakyat Malaysia 15% dan rakyat asing 50%. Pada masa sekarang pun tidak tentu lagi siapa rakyat asing itu yang menyertai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Douglas Uggah Embas.

*(Soalan No. 14 Y.B. Tuan Douglas Uggah Embas tidak hadir).*

#### LARANGAN MEROKOK DI HOSPITAL

**15. Tuan Haji Mohamed bin Haji Yaacob** minta Menteri Kesihatan menyatakan sesudah larangan merokok di bangunan hospital mula dikuatkuasa, apakah respon yang dapat dikesan di hospital-hospital di seluruh negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Chua Jui Meng): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini di antara kesan-kesan yang diperolehi dari penguatkuasaan larangan merokok di bangunan hospital ialah orang ramai lebih memberikan

kerjasama kepada pihak hospital dalam mematuhi arahan tersebut. Di samping itu, kakitangan hospital lebih berdisiplin dan menunjukkan contoh dan teladan dalam membanteras amalan merokok. Aktiviti pelajaran kesihatan mengenai bahaya merokok juga dipertingkatkan dan lebih banyak lagi notis dan poster dipasang. Selain dari itu kantin hospital juga telah berhenti menjual rokok.

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut jawapan Yang Berhormat iaitu melarang merokok di bangunan hospital adalah sebahagian kempen anti-merokok. Saya ingin dapat tahu dari Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar bahawa Kerajaan negara kita sedang memberangsangkan rakyat Malaysia merokok secara tidak langsung, melalui pengiklanan televisyen. Sudah diketahui umum bahawa banyak jenama-jenama rokok telah diiklankan melalui televisyen. Apakah langkah Kementerian Kesihatan dalam mengkompromi dengan sikap Kerajaan sekarang?

**Tuan Chua Jui Meng:** Tuduhan Yang Berhormat dari Kampar itu tidak berasas sebab ini kerap kali dijawab oleh Menteri Penerangan kita tidak membenarkan merokok di dalam televisyen atau radio. Saya haraplah bila menonton televisyen, menonton dengan sebaik-baiknya. *(Diganggu)*

**Seorang Ahli:** Tipu sendiri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup, Yang Berhormat. Masa soal-jawab sudah habis.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan jawapan bagi Pertanyaan No. 7, 8, 10, 14 dan 16 sehingga 22 adalah diberi di bawah ini.)*

#### PERNAS—SKIM BEKALAN BAHAN-BAHAN

**7. Tuan Nasruddin bin Alang Saidin** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah tindakan dan usaha-usaha

Kementerian bagi memulihkan semula skim bekalan bahan binaan oleh PERNAS Trading Sendirian Berhad yang sudah tidak berfungsi lagi sejak kebelakangan ini.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow):** Kementerian Kewangan telah mengkaji semula skim bekalan bahan-bahan oleh PERNAS Trading Sdn. Bhd. dan mendapati peraturan-peraturannya perlu diperkemaskan lagi. Tujuannya ialah untuk mengelakkan sebarang kerumitan khususnya di segi peraturan pembekalan dan pembayarannya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, melalui skim ini, kontraktor-kontraktor binaan projek-projek Kerajaan boleh memohon untuk mendapatkan bekalan bahan-bahan binaan seperti besi keluli, atap genting, simen, asbestos, cat, cermin dan lain-lain bahan binaan secara kredit daripada PERNAS Trading Sdn. Bhd., yang mempunyai cawangan-cawangannya di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Ipoh, Kuantan, Kota Bharu, Johor Bharu dan Melaka. Buat ketika ini, PERNAS Trading Sdn. Bhd. telah memberhentikan pelaksanaan skim ini kerana masalah pembayaran ke atas projek yang terbengkalai belum selesai. Kementerian Kewangan sedang berunding dengan PERNAS Trading Sdn. Bhd. untuk menyelesaikannya.

Oleh kerana skim ini memberi munafaat kepada kontraktor-kontraktor binaan, Kementerian Kewangan telah bersetuju untuk memperluaskan skim ini kepada pembeli-pembeli yang lain. Sebagai langkah ke arah ini, Kementerian Kewangan telah berunding dengan enam anak syarikat-syarikat kepada perbadanan-perbadanan Kerajaan untuk menyertai skim ini. Syarikat-syarikat itu adalah:

- (a) Sergam Berhad (SEDC Johor).
- (b) Perkemaja N.S. Sdn. Bhd. (SEDC Negeri Sembilan).
- (c) Pasar Anika Dara Sdn. Bhd. (DARA Pahang).
- (d) Babena Sdn. Bhd. (SEDC Terengganu).

(e) Kelma Sdn. Bhd. (SEDC Kelantan).

(f) Serba Sdn. Bhd. (SEDC Kedah).

Syarikat-syarikat tersebut pada dasarnya telah bersetuju untuk menyertai skim ini yang dijangka dapat dilaksanakan pada akhir tahun ini.

## PUSAT PENGAJIAN TINGGI SWASTA

**8. Dr Eng Seng Chai** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada rancangan oleh Kementerianya menubuhkan, atau memudahkan usaha-usaha swasta menubuhkan sesuatu perindustrian pendidikan tertinggi ("Tertiary education") dengan pembangunan pusat-pusat keunggulan ("Centres of excellence") di Malaysia supaya, bukan sahaja menjimatkan perbelanjaan sebanyak \$3 atau \$4 billion ringgit setahun oleh 60,000 pelajar-pelajar kita di luar negeri, tetapi juga akan menarik lebih banyak pelajar-pelajar serantau ASEAN dan Pacific yang juga membelanjakan sekurang-kurangnya \$3-\$5 billion ringgit, memandangkan jumlah pelajar-pelajar negara ASEAN dan Pacific yang sedang ada di negara berat sekarang melebihi 100,000 orang. Adakah Malaysia berkemampuan mengadakan suatu perindustrian pendidikan hari ini.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang menggalakkan rancangan penubuhan pusat-pusat pengajian yang dikelolakan oleh pihak swasta bagi membantu Kerajaan dalam memberi kemudahan pendidikan di pelbagai peringkat. Permohonan-permohonan daripada sektor swasta untuk menubuhkan pusat atau Institusi Pendidikan akan diberi kelulusan setelah kajian terperinci dibuat terutama dari segi keupayaan pengurusan, tenaga pengajar, kursus-kursus yang akan ditawarkan dan kemudahan-kemudahan yang disediakan. Ini dilakukan untuk memastikan pusat-pusat pengajian swasta ini diuruskan selaras dengan dasar pendidikan negara serta mematuhi peruntukan undang-undang dan peraturan-

peraturan tertentu demi menjaga pendidikan berkualiti kepada pelajar-pelajar.

Buat masa ini kerajaan belum lagi bercadang untuk menubuhkan satu perindustrian pendidikan di negara ini.

### DEWAN MASYARAKAT DI KAMPUNG-KAMPUNG

**10. Tuan Haji Mohamad Yussof bin Haji Abdul Laiff** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah tujuan mengadakan Dewan-dewan Masyarakat di luar bandar itu benar-benar tercapai. Tidakkah Kementerian berkenaan sedar ada di antara Dewan-dewan berkenaan hanya dijadikan gelanggang sukan berterusan dari jam 5.00 petang hingga jam 12.00 tengah malam sehingga melalaikan belia-belia kita dari menunaikan sembahyang.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):** Kerajaan telah meluluskan peruntukan untuk membina atau membaiki balairaya-balairaya atau Dewan Masyarakat di kampung-kampung. Walau bagaimanapun tidak semua peruntukan tersebut datang daripada Kerajaan Persekutuan. Sebahagiannya daripada peruntukan Kerajaan Negeri masing-masing. Pemulihan sebuah Dewan Masyarakat atau Dewan Serbaguna memberikan banyak faedah kepada rakyat setempat yang meliputi kegiatan-kegiatan ekonomi, sosial dan politik. Penyenggaraan dan pengurusan bangunan-bangunan ini terletak di bawah tanggungjawab Pejabat Daerah/Majlis Daerah yang berkaitan. Bagaimanapun pengawasan secara langsung dibuat oleh Ketua Kampung atau Penghulu atau Ketua JKKK di tempat-tempat berkenaan. Adalah menjadi tanggungjawab kepada institusi-institusi ini untuk menentukan supaya penggunaan Dewan Masyarakat ini tercapai dengan menyusun program kegiatan di kalangan penduduk setempat dengan teratur dan sempurna. Setakat ini Kerajaan tidak bercadang untuk menghentikan peruntukan berkenaan semata-mata atas sebab-sebab

yang terlalu kecil berbanding dengan faedahnya pada pembangunan penduduk di seluruh negara.

### PENTERNAKAN KAMBING BIRI-BIRI/ARNAB

**14. Tuan Douglas Uggah Embas** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah rancangan Kementerian bagi menjayakan rancangan penternakan kambing biri-biri dan arnab diseluruh negara.

**Tuan Ong Tin Kim:** Rancangan Kementerian bagi menjayakan program penternakan bebiri di seluruh negara ialah dengan menggerakkan kesemua agensi perladangan terutama getah dan kelapa sawit supaya menyertai dan menjalankan program bebiri yang diselaraskan melalui Jabatan perkhidmatan Haiwan.

Di bawah program ini, Agensi menyediakan sumber-sumber sendiri dengan bantuan input perkhidmatan yang minima oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan.

Bagi menolong mempercepatkan usaha ini, Kementerian Pertanian melalui JPH membeli dan membahagikan bebiri kepada peserta/perladangan yang berpotensi yang tidak begitu mampu membeli sendiri stok asas. Pemberian ini adalah secara pinjaman ("pawah") sejumlah minima 100 ekor betina dan 5 jantan bagi setiap unit.

Mengenai rancangan Kementerian bagi menjayakan program penternakan arnab di seluruh negara pula, Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perkhidmatan Haiwan sedang merancang beberapa program terperinci dengan garis panduan seperti berikut:

- (a) Meningkatkan penggunaan daging arnab dalam negara. Usaha-usaha akan dijalankan ke arah mengambilalih 20-25% penggunaan daging ayam kepada daging arnab.
- (b) Menjadikan Malaysia di antara negara-negara utama pengeluar daging arnab untuk pasaran tempatan dan eksport.

- (c) Menjadikan Malaysia sebagai negara utama pusat rujukan peringkat pakar dan sumber maklumat serantau untuk Wilayah Asia Pasifik.
- (d) Menyediakan kemudahan Latihan kepada pegawai Jabatan dan penternak.

### PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI

**16. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) berapa banyakkah projek-projek terbengkalai setakat 1-10-1989 dan sila beri sebab dan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian; dan
- (b) menurut apa yang difahamkan bahawa Kerajaan menghadkan wang sebanyak \$500 juta bagi membantu projek-projek yang terbengkalai apakah kriteria yang difikirkan patut dan munasabah bagi mendapatkan bantuan itu dan sila beritahu syarikat-syarikat pemaju yang telah menerima bantuan itu dan sebab-sebab pemaju-pemaju lain tidak dapat bantuan tersebut.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam):**

- (a) Jumlah projek perumahan yang telah terbengkalai di seluruh Semenanjung Malaysia sehingga kini ianya berjumlah 285 buah projek.

Antara sebab-sebab projek perumahan tersebut terbengkalai ialah seperti berikut:

- (a) Kelemahan kewangan—iaitu tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk meneruskan projek.
- (b) kekurangan pengalaman dan kelemahan pengurusan.

- (c) Tiada kajian kemungkinan—di mana timbul masalah teknikal seperti infrastruktur, bekalan letrik dan air, setinggan, tanah lombong dan lain-lain menyebabkan rumah tidak dapat dijual dengan sepenuhnya.
- (d) Pertelingkahan—apabila kajian kemungkinan tidak sempurna timbul masalah pertelingkahan antara pemaju, tuan tanah, kontraktor yang menyebabkan terhenti pembinaan.
- (e) Tindakan mahkamah—ekoran pertikaian dan pertelingkahan maka timbul masalah tindakan mahkamah, kaveat, injuksi mahkamah atau pun pergulungan syarikat.
- (f) Syarat-syarat yang ketat di mana terdapat pemaju dikenakan syarat-syarat yang ketat oleh Badan Kerajaan, Penguasa Tempatan, Institusi Kewangan dan sebagainya terutama semasa projek berada di peringkat akhir siap.

Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk memulihkan projek terbengkalai ialah:

- (a) Mengadakan perjumpaan dengan pembeli-pembeli untuk memberi penerangan berhubung dengan tindakan yang perlu diambil bagi memulihkan projek.
- (b) Meminta pembeli-pembeli menubuhkan Jawatankuasa Pembeli-Pembeli.
- (c) Meminta pemaju menyerahkan kepada Jawatankuasa Pembeli-Pembeli sekiranya perlu.
- (d) Membuat kajian kemungkinan ("feasibility study") ke atas projek yang berkenaan dengan mengkaji kedudukan kewangan dan kemajuan pembinaan.
- (e) Mengadakan perbincangan dengan pihak bank/institusi kewangan dan agensi-agensi Kerajaan yang terlibat.

- (f) Mengadakan perbincangan dengan piutang-piutang; dan
- (g) Mengawasi dari masa ke semasa di atas kerja-kerja binaan setelah projek dipulihkan.
- (h) Peruntukan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu adalah disediakan untuk membantu usahawan-usahawan bumiputera bukan sahaja dalam sektor perumahan tetapi termasuk lima sektor yang lain iaitu hartanah, perusahaan perdagangan, pertanian dan pembangunan. Diantara kriteria-kriteria utama yang membolehkan pemohon memohon bantuan dari Tabung Pemulihan Usahawan adalah seperti berikut:
  - (i) Syarikat Usahawan hendaklah masih berdaya maju dan mempunyai kerja di tangan dan mempunyai potensi untuk dipulihkan.
  - (ii) Sesebuah Syarikat Usahawan itu mestilah menghadapi masalah kewangan disebabkan oleh kemelesetan ekonomi negara dan masih beroperasi.
  - (iii) Syarikat hendaklah dimiliki 100% oleh Bumiputera.
  - (iv) Syarikat Usahawan hendaklah menghadapi masalah kewangan yang tidak disebabkan oleh penipuan atau sebagainya; dan
  - (v) Semua pemohon mestilah Ahli Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia atau Persatuan gabungannya.

Sehingga 30 September, 1989 jumlah syarikat pemaju yang telah diluluskan bantuan ialah sebanyak 12 syarikat. Di antara sebab-sebab pemaju-pemaju lain yang tidak dapat bantuan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Syarikat tidak lagi beroperasi.
- (ii) Pemohon telah muflis.
- (iii) Projek tidak berdaya maju.

- (iv) Projek tidak menghadapi masalah kewangan; dan
- (v) Syarikat tidak dimiliki 100% oleh bumiputera.

#### PROJEK KECIL LUAR BANDAR

17. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah kriteria pengagihan peruntukan projek-projek kecil luar bandar di kawasan Pilihanraya Negeri dan Parlimen.
- (b) apakah peruntukan kepada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional akan diteruskan memandangkan ada laporan yang mengatakan bahawa Ahli-ahli Parlimen dan ADUN terbukti menyalahgunakan peruntukan untuk membeli barang-barang yang bukan berbentuk projek luar bandar.
- (c) bilakah Ahli-ahli Parlimen Bebas dan Pembangkang akan dibenarkan meluluskan projek-projek kecil luar bandar. Kalau tidak, mengapa.

**Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman** Pengagihan peruntukan projek-projek kecil luar bandar dibuat berdasarkan kepada keperluan dan faedah projek-projek berkenaan kepada penduduk di sesuatu kawasan dari segi meningkatkan taraf ekonomi dan kesejahteraan hidup mereka.

Tidak ada sebarang peruntukan diberi kepada Ahli-ahli Parlimen. Yang ada ialah peruntukan bagi kawasan-kawasan Parlimen. Kerajaan akan terus menyediakan peruntukan ini memandangkan keperluan untuk mengadakan atau memperbaiki kemudahan-kemudahan asas sentiasa wujud terutama sekali di luar bandar.

Projek-projek kecil luar bandar bukan diluluskan oleh Ahli-ahli Parlimen. Mereka hanya memperakukan projek-projek yang perlu dilaksanakan. Pertimbangan dan kelulusan dibuat oleh pihak Pentadbiran Kerajaan Negeri.

## KELAPA SAWIT—KEMPEN MEMBURUKKAN

**18. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan Amerika Syarikat telahpun memburuk-burukkan kegunaan kelapa sawit ke negaranya dan juga ke negara-negara yang lain tentang mutu dan kesihatan pengguna-pengguna maka sudahkah pihak Malaysia membuat satu usaha bagi menerangkan dan juga memburukkan pula kegunaan minyak kacang soya yang boleh memudaratkan kesihatan dan sebagainya terhadap pengguna-pengguna di negara yang berkenaan.

**Dato' Alias bin Md. Ali:** Kerajaan akan terus mengatur berbagai program bagi menentang kempen anti-minyak kelapa sawit yang dianjurkan oleh pertubuhan-pertubuhan tertentu dan mendirikan semula imej minyak kelapa sawit yang sah. Di antara lain, penerangan tentang kebaikan minyak kelapa sawit telah disampaikan kepada pihak-pihak tertentu melalui seminar-seminar, risalah-risalah, penerbitan-penerbitan dan sebagainya. Para profesyenal dari Amerika Syarikat, Eropah, Pakistan, Jepun, Australia serta Malaysia terus menjalankan penyelidikan bagi mengesahkan dan menjelaskan lagi ciri-ciri positif minyak kelapa sawit ke atas kesihatan.

Kerajaan juga sedar tentang kajian-kajian yang dijalankan secara bebas oleh para saintis di United Kingdom dan Amerika Syarikat yang sekarang menyoal kebaikan lemak politaktepu (polyunsaturates), yang terkandung dengan peratus yang tinggi dalam minyak sayuran tertentu seperti minyak jagung, minyak soya, minyak kacang tanah dan minyak biji kapas, dan kemungkinan ianya mempunyai peranan di dalam mengakibatkan "atherosclerosis" (furring up of blood vessel walls). Hasil kajian-kajian ini telah diberi publisiti yang meluas dalam media massa di negara-negara Barat. Pihak Kerajaan seterusnya telah juga menarik perhatian media bahawa minyak

kacang soya sering perlu dihidrogenat sebelum boleh digunakan. Proses hidrogenat itu menghasilkan lemak tepu yang tidak asli di dalam minyak soya dan terdapat pakar-pakar yang telah menyuarakan kebimbangan tentang kesan-kesan apa yang dipanggil "asid lemak trans" itu ke atas kesihatan.

Dalam usaha menentang kempen anti-minyak kelapa sawit, Kerajaan akan terus menerangkan keistimewaan minyak kelapa sawit dari segi kesihatan dan khasiatnya dan di mana perlu, menarik perhatian para pengguna terhadap kekurangan (deficiencies) yang terdapat di dalam minyak makan lain seperti minyak kacang soya. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan menghadkan penerangannya kepada maklumat yang benar dan sahih kerana kita berpendapat para pengguna perlu diberi kesedaran sebenarnya tentang aspek-aspek kesihatan berkaitan dengan makanan walaupun yang paling penting adalah mengamalkan pemakanan yang seimbang.

Sungguhpun pihak Persatuan Kacang Soya Amerika Syarikat (ASA) telah memberi jaminan kepada pihak industri minyak kelapa sawit Malaysia supaya tidak akan memberi publisiti yang negatif terhadap minyak kelapa sawit dan lain-lain minyak tropikal, Kerajaan masih perlu meneruskan usaha menentang kesan-kesan kempen anti-minyak kelapa sawit bukan sahaja di Amerika Syarikat sendiri tetapi juga di luar Amerika Syarikat.

## SENARAI PEMILIH BERCANGGAH DI SABAH

**19. Tuan Gerard Math Lee Min** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah benar bahawa terdapat 21,760 percanggahan di dalam kertas-kertas undi pilihanraya pada tahun 1988 di Negeri Sabah;
- (b) mengapa ia berlaku kejadian begini; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk membetulkan perselisihan kertas-kertas undi pilihanraya itu.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Soalan ini tidak jelas. Mungkin apa yang dimaksudkan oleh Y.B. itu ialah *senarai pemilih*. Jawapan bagi soalan mengenai daftar pemilih bagi Negeri Sabah telah diberikan bagi soalan-soalan oleh Y.B.—Y.B. yang berikut:

- (i) Y.B. Tuan Maidom P. Pansai (19-10-1989)
- (ii) Y.B. Tuan Hsing Yin Shean (30-10-1989)

#### DAFTAR PENGUNDI DI SABAH

20. Tuan Taiman Lumaing minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar tentang masalah yang timbul dari daftar pengundi di mana lebih daripada 20,000 pengundi di Sabah didapati mempunyai ataupun berkongsi nombor kad pengenalan yang sama di daftar pengundi 1988 dan jika sedar, apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

**Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Soalan-soalan yang sama maksudnya telah pun dijawab dalam Dewan ini pada 30-10-89. Saya tiada apa-apa tambahan.

#### PROJEK PEMBINAAN TEMBOK PANTAI

21. Dr Affudin bin Haji Omar minta Perdana Menteri menyatakan berapakah ongkos yang akan terlibat apabila projek pembinaan tembok pantai di seluruh negara seperti yang diisytihar oleh Y.A.B. Perdana Menteri di Perlis tidak berapa lama dulu. Apakah timeframe projek ini dan apakah kesan-kesan jika ada terhadap sistem ekologi yang wujud di persisiran pantai negara.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Pengisytiharan Y.A.B. Perdana Menteri di Perlis tidak berapa lama dahulu adalah mengenai tebusguna tanah di Pantai Barat Semenanjung dan bukannya mengenai pembinaan tembok pantai. Walau bagaimanapun, sekiranya ada kemungkinan tembok perlu dibina di dalam kerja-kerja tebusguna tanah, kos yang perlu belum

dapat ditentukan kerana ini memerlukan kajian teknikal yang terperinci.

#### LEBUHRAYA TELIPUT-SANDAKAN-LAHAD DATU

22. Tuan Fun Ket Wing minta Menteri Kerjaraya menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk:

- (i) menyiapkan projek lebuhraya Teliput-Sandakan-Lahad Datu yang masih jauh daripada jadual penyiapan;
- (ii) jumlah tan yang boleh ditanggung atau dimuat oleh lebuhraya tersebut;
- (iii) bilakah bahagian lebuhraya ini akan siap;
- (iv) apakah langkah sementara yang akan diambil untuk memberi perkhidmatan jalan raya yang lebih memuaskan kepada pengguna-pengguna jalan raya.

**Menteri Kerjaraya (Datuk Leo Moggie anak Irok):**

- (i) untuk makluman ahli yang berhormat, Kementerian Kerjaraya sedang melaksanakan pakej A1, A2, B & B2 projek jalan raya Telupid/Sandakan/Lahad Datu di antara 4 projek tersebut, hanya projek pakej B2 yang sedang berjalan dengan lancar. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian telah memberi amaran kepada pihak kontraktor-kontraktor berkenaan supaya mempercepatkan pelaksanaan projek pakej A1, A2 dan B1. Untuk makluman Ahli yang Berhormat, kemajuan pelaksanaan projek pakej B1-Jalan raya Lahad Datu-Sandakan telah terjejas oleh kerana pihak kontraktor menghadapi masalah kewangan. Kemajuan pelaksanaan projek sehingga sekarang ialah 42% sahaja.

Oleh kerana masalah yang dinyatakan di atas, kontrak ini tidak dapat disiapkan mengikut tempoh jadual yang telah ditetapkan, walaupun telah diberi sambungan tempoh selama 39.6 minggu. Walau bagaimanapun pihak kontraktor yang terlibat telah mengemukakan satu cadangan "Rescue Package" untuk menyiapkan kerja tersebut di dalam tempoh masa tambahan selama 18 bulan lagi dan cadangan ini sedang dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan.

- (ii) untuk maklumat Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan jumlah tan yang boleh ditanggung atau dimuat oleh lebuh raya Telupid-Sandakan-Lahad Datu adalah seperti berikut:

Pihak Kementerian telah menetapkan bahawa "Design Load" ialah:

- (A) 10 tan untuk satu beban gandar (Single Axle Load)
- (B) 16 tan untuk satu beban gandar (Tanden Axle Load)

- (iii) berkenaan dengan penyiapan lebuh raya ini berikut adalah tarikh siap bagi projek-projek yang berkaitan:

- Pakeg A1 — Jun 1991
- Pakeg A2 — September 1990
- Pakeg B1 — Jun 1991
- Pakeg B2 — September 1990

- (iv) berkenaan dengan langkah-langkah sementara yang akan diambil untuk memberi perkhidmatan jalan raya yang lebih memuaskan kepada pengguna-pengguna jalan raya, pihak Kerajaan dan kontraktor akan sentiasa menjaga kebaikan jalan raya tersebut supaya pergerakan lalu-lintas tidak terganggu.

## USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

**Tuduhan konspirasi Y.B. Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan terhadap Kerajaan Persekutuan**

*4.05 ptg.*

**Tuan Hsing Yin Shean (Tanjong Aru):**  
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di bawah Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat No. 18 (1) untuk mencadangkan satu usul menangguhkan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat bagi maksud membincangkan satu perkara tertentu mengenai kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan, iaitu pendedahan oleh seorang Ahli Parlimen, Yang Berhormat Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan yang juga Ketua Menteri Negeri Sabah yang mempersoalkan perhubungan di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dan juga sistem Federalisme di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, usul saya berbunyi

Bahawa Dewan ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1), Majlis Mesyuarat ini mengizinkan Ahli Parlimen dari Tanjong Aru, Yang Berhormat Tuan Hsing Yin Shean menangguhkan Majlis Mesyuarat ini untuk membincangkan pendedahan Ketua Menteri Negeri Sabah bahawa Kerajaan Persekutuan merancang dan melancarkan satu konspirasi yang bertujuan untuk menjatuhkan Kerajaan Negeri Sabah di bawah Parti Bersatu Sabah (PBS) pimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan yang dengan sendirinya mencerminkan bertukar tangannya perhubungan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah yang mengancam kepentingan dan kebajikan rakyat negeri Sabah yang menjadi sebahagian daripada Persekutuan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah tertentu kerana ianya adalah berkenaan dengan tuduhan konspirasi dan plot sinis

pemimpin-pemimpin tertentu oleh Kerajaan Persekutuan untuk menjatuhkan Kerajaan Negeri Sabah yang dibuat oleh Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan yang juga Ketua Barisan Nasional Negeri Sabah yang merupakan tuduhan amat serius yang boleh mengancam dan membawa kesan buruk terhadap perhubungan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah yang menjadi sebahagian daripada Persekutuan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah kepentingan orang ramai kerana tuduhan itu mempersoalkan perhubungan di antara negeri Sabah dengan seramai 1.37 juta penduduknya dan Kerajaan Persekutuan di mana tuduhan plot sinis oleh pemimpin-pemimpin tertentu Kerajaan Persekutuan menimbulkan persoalan sama ada hak rakyat negeri Sabah menggunakan kuasa undi mereka untuk memilih satu parti menerajui Kerajaan Negeri itu masih wujud tanpa sebarang gangguan dan campurtangan oleh Kerajaan Persekutuan, mahupun pemimpin-pemimpin Kerajaan Persekutuan tertentu seperti dituduh dan ini telah menimbulkan rasa curiga, bimbang dan ragu terhadap hak rakyat Sabah untuk memilih sebuah parti pilihan mereka dan memegang kuasa Kerajaan Negeri yang kini terancam dan ini juga adalah menjadi tandatanya terhadap penerusan sistem demokrasi berparlimen di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini berkehendak disegerakan kerana tuduhan itu adalah amat serius dengan rakyat negeri Sabah berasa cemas dengan berbagai persoalan ditimbulkan mengenai kedudukan kedaulatan dan keutuhan wilayah negeri Sabah dalam Persekutuan Malaysia.

Memandangkan ini, Dewan ini mengarahkan Kerajaan Persekutuan menubuhkan sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja untuk menyiasat ke dalam tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah pada 29hb November, 1989

dan mengemukakan penemuannya kepada Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih. (*Tepuk*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, pagi ini saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 daripada Yang Berhormat Ahli Parlimen kawasan Tanjong Aru. Teks Usul Ahli Yang Berhormat itu adalah sebagaimana yang telah dibacakan olehnya sebentar tadi.

Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 18 (2), Tuan Yang di-Pertua hendaklah menolak permintaan untuk menangguhkan Mesyuarat kecuali jika dia berpuas hati iaitu perkara yang dibangkitkan itu menepati tiga syarat iaitu:

- (1) Perkara itu perkara tertentu,
- (2) Perkara itu bagi kepentingan orang ramai, dan
- (3) Perkara itu berhak disegerakan

Setelah meneliti perkara yang dibangkitkan itu, saya dapati bahawa perkara yang dibangkitkan itu tidak menepati ketiga-tiga syarat. (*Tepuk*)

Saya tidak puas hati kerana ia bukan perkara tertentu kerana perkara yang dibangkitkan itu hanya mengikut apa yang disiarkan di dalam akhbar. Dan tidak ada berita yang konkrit, teguh dan boleh dipercayai sebagai asas perbincangan atas perkara ini. Selain daripada itu mengikut apa yang saya difahamkan, dari pihak Kerajaan Persekutuan, perhubungan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah adalah kukuh dan baik pada masa ini. (*Tepuk*)

Oleh kerana ia tidak tertentu, "not definite", maka dengan sendirinya ia tidak melibatkan kepentingan orang ramai dan seterusnya tidak perlu disegerakan perbincangannya.

Oleh itu, saya menolak Usul Ahli Yang Berhormat itu. (*Tepuk*)

**PENERANGAN SENDIRI OLEH  
AHLI**

4.12 ptg.

**Tuan Shahidan bin Kassim (Arau):** Tuan Yang di-Pertua, saya baca ini. Penerangan saya di bawah Peraturan Mesyuarat 14 (1) adalah seperti berikut:

“Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 14 (1) (1) untuk membuat penerangan sendiri. Pada hari Jumaat 17hb November, 1989 tatkala Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat membahaskan peruntukan Kementerian Kehakiman di dalam Jawatankuasa sebuah Majlis, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong telah menggunakan perkataan kesat iaitu “bodoh” terhadap saya. Walaupun perkataan itu telah ditarik balik oleh Ahli Yang Berhormat itu setelah diperintahkan oleh Tuan Yang di-Pertua, namun di dalam keadaan yang sangat marah seperti itu, saya naik marah. Saya bertambah marah lantas saya membuat isyarat dengan tangan terhadap Ahli Yang Berhormat itu dengan menumbuk tangan saya sendiri (*Menunjuk kepada Dewan cara ia menumbuk tangannya*). Tetapi Ahli Yang Berhormat dari Rasah berkata saya buat macam ini (*Menunjukkan cara isyarat tangan yang berlainan dari yang asal*), tetapi akhbar *The Star* dengan *Harakah*, mereka tidak nampak. Mereka tulis cara yang lain. Dia buta. Lantas saya membuat isyarat dengan tangan terhadap Ahli Yang Berhormat itu dengan menumbuk tangan saya sendiri untuk melepas geram sama seperti Ahli Yang Berhormat berkenaan mencampakkan pen di hadapan. . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Point of order.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, point of order.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mengikut peraturan setiap perkataan perlu dapat persetujuan Tuan Yang di-Pertua. Adakah setiap perkataan yang dibuat dapat persetujuan dari Tuan Yang di-Pertua, atau

dia sudah melanggar personal explanation.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Arau, harap ikut apa yang ada di dalam surat itu.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya baca ini, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tetapi janganlah digunakan perkataan sambil menunjukkan apa-apa perbuatan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Okay.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dia kata akhbar buta. Adakah ini diizinkan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang itu tidak ada Yang Berhormat.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya tarik balik. Saya sendiri untuk melepaskan geram sama seperti Yang Berhormat berkenaan mencampakkan pen di hadapan meja yang dianggap sebagai perbuatan yang tidak tertib atau tidak sopan. Sungguhpun saya tidak ada niat hendak menghinakan Dewan ini. Memandangkan kepada teguran yang dibuat oleh sebahagian dari Ahli Yang Berhormat, saya sebagai seorang yang bertanggungjawab dan yang menyanjung tinggi Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat dan juga untuk menjaga nama baik serta mempertahankan taraf kemuliaan Dewan ini, saya tidak keberatan untuk meminta maaf kepada Dewan ini, bukan kepada orang lain. Terima kasih. (*Tepuk*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, terima kasih.

**Tuan P. Patta (Ipoh):** Point of order. Adakah perkataan yang akhir itu “dan bukan kepada orang lain” itu termasuk dalam surat itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat mencukupilah Yang Berhormat.

**Tuan P. Patta:** Tetapi hendaklah mematuhi Peraturan Mesyuarat 25, Tuan Speaker, yang perlu adalah jujur.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa yang diminta iaitu minta maaf kepada Dewan ini, cukup. (*Tepuk*)

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1990

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1990

#### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1989 dan Anggaran Pembangunan 1989" dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (*Hari Kelapan*).

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa*

*(Tuan Yang di-Pertua mem-  
pengerusikan Jawatankuasa).*

*Maksud B.26 (Jadual)-Maksud P.26  
(Anggaran Pembangunan 1990)-*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, sila sambung. Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum menyambung saya minta, oleh sebab Ahli-ahli Yang Berhormat banyak yang hendak berucap di dalam Jawatankuasa ini, saya haraplah Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain-lain berucap hanya dalam masa 10 minit sahaja.

Saya minta maaf, saya terpaksa berbuat demikian, kerana kita kena menghabiskan Jawatankuasa ini pada hari ini. Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam.

*4.18 ptg.*

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib (Sabak Bernam):** Tuan Pengerusi, saya menyambung perbahasan semalam mengenai Butiran 080100-Lembaga Peperiksaan.

Saya telah mengatakan dan telah memberikan ucapan syabas dan tahniah kepada Kementerian yang telah bertindak kepada mereka yang telah membuat perkara-perkara yang tidak baik sehingga berlakunya pembocoran kepada Soalan Peperiksaan

Bahasa Malaysia 2 dalam SPM baru-baru ini. Dan mereka yang terlibat telah dikemukakan kepada pengadilan.

Apa yang saya ingin suarakan di sini dan menarik perhatian Kementerian Pendidikan bahawa sistem dan cara penghantaran soalan-soalan adalah aturcara yang baik tetapi perbuatan mereka yang tidak bertanggungjawab itulah yang menjadi punca kepada pembocoran ini. Sepatutnya mereka inilah yang diambil tindakan. Saya kurang bersetuju dengan Kementerian Pendidikan yang telah mengenakan tindakan serta merta bagi menukarkan pegawai-pegawai di Bahagian Peperiksaan serta merta sehingga menjadikan mereka ini pegawai yang terlibat secara langsung. Sepatutnya hanya mereka yang terlibat, yang bertanggungjawab sahaja dikenakan tindakan dan bukanlah mengambil tindakan kepada mereka yang tidak berkenaan. Oleh hal yang demikian, saya berharap supaya Kementerian Pendidikan menimbangkan semula pertukaran pegawai-pegawai di Bahagian Peperiksaan khususnya di Jabatan Pendidikan Negeri Selangor.

*(Timbalan Yang di-Pertua mem-  
pengerusikan Jawatankuasa)*

Saya suka beralih kepada perkara yang lain berhubung dengan Peperiksaan juga. Saya ingin menyeru Kementerian Pendidikan supaya mengkaji dan menimbangkan soal bayaran peperiksaan kepada kertas-kertas peperiksaan di peringkat SRP, SPM dan STPM. Apa yang saya tahu bayaran peperiksaan di peringkat SPM begitu rendah kalau dibandingkan dengan STPM dan ini menyebabkan ramai di-antara pemeriksa-pemeriksa tidak berminat untuk memeriksa kertas ini.

Sebagai contoh, Tuan Pengerusi, dalam peperiksaan mata pelajaran Sejarah, umpamanya STPM hanya dengan 4 soalan dengan diberi bayaran sebanyak \$5 lebih kurang untuk bayaran peperiksaan sedangkan SPM dengan 5 soalan lebih kurang sama muka suratnya dan jawapannya dengan bayaran \$2 lebih sahaja. Sampailah

masa dan ketikanya Kementerian Pendidikan menimbangkan semula hal ini supaya memberikan kenaikan kepada pemeriksa-pemeriksa kertas jawapan ini.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Butiran 00100 Pendidikan Rendah dan 00200 Pendidikan Menengah, muka surat 130 sekaligus.

Saya ingin menyeru kepada Kementerian Pendidikan supaya memberikan peruntukan baru penambahan kepada bantuan LPBT dengan LPK yang saya fikir dan saya kira agak sudah lama tidak disemak semula. Oleh itu sampailah masa untuk Kementerian ini membuat perubahan berdasarkan peruntukan yang diberi pada tahun ini.

Berikutnya di Bahagian Menengah, saya suka mencadangkan atau mengesyorkan kepada Kementerian Pendidikan di mana saya mendapat tahu sebuah sekolah menengah, Sekolah Alam Shah di negeri Selangor akan diupgadekan dan juga selain daripada itu, Sekolah Menengah Sains Selangor yang kedua-duanya terletak di bawah negeri Selangor pada masa dahulu, kini telah diserahkan kepada Wilayah. Sampai ketikanya dalam Maksud Pembangunan ini dengan peruntukan yang tinggi supaya Kementerian Pendidikan mengganti sekolah ini hendak mewujudkan sebuah sekolah atau dua buah sekolah yang telah diserahkan kepada Wilayah ini untuk didirikan di negeri Selangor, sama ada menggantikan Sekolah Sains Selangor yang betul-betul terletak di Negeri Selangor Darul Ehsan ataupun Sekolah Alam Shah ini.

Saya mendapat tahu bahawa Kementerian Pendidikan lebih berminat untuk meletakkan sekolah ini di Lembah Kelang dan kiranya ini benar, saya suka menyarankan supaya Kementerian menarik perhatian supaya membawa sekolah-sekolah berasrama penuh ini ke daerah-daerah luar bandar, yang jauh sedikit daripada bandar supaya Lembah Kelang tidak tertumpu pusat-pusat pengajian di kawasan itu atau di sekitar kawasan tersebut kerana kawasan-kawasan lain masih luas lagi. Saya suka menyarankan di sini bahawa sebuah kawasan di Sabak Bernam umpamanya yang

terdiri daripada tanah lapang dan tanah yang telah diacquire sebanyak 40 ekar adalah sesuai untuk didirikan sekolah ini. Saya harap ini mendapat pertimbangan daripada Kementerian.

Selain daripada itu, saya suka menyentuh kepada muka surat 131, Butiran 00800, mengenai Rumah-rumah Guru Luar Bandar.

Saya menyokong di atas peruntukan \$8.4 juta ini di mana saya mendapat tahu rumah guru memang kurang di luar bandar. Sebagai contoh, di daerah saya sendiri daripada lebih kurang 1,200 orang guru hanya terdapat lebih kurang 100 buah rumah dan sebuah sekolah menengah yang terbesar di daerah dengan 90 orang guru terdapat hanya 3 unit rumah. Ini sebagai contoh di mana dengan contoh ini memberikan satu gambaran bahawa rumah-rumah guru perlu didirikan di luar-luar bandar. Saya mengesyorkan supaya dalam bentuk rumah pangsa juga sesuai bagi menempatkan guru-guru yang mengajar di sekitar kawasan tersebut supaya mereka dapat menikmati kemudahan yang lebih sempurna.

Selain daripada itu, saya suka menyentuh mengenai Butiran 00900-Asrama Biasa dan Asrama Desa. Asrama Desa hari ini diperuntukkan hanya lebih kurang \$50,000 bagi satu-satu asrama. Saya kira angka ini terlampau kecil dan elok kalau dapat ditingkatkan kepada jumlah yang agak besar sedikit sehingga \$100,000 kerana pembinaan asrama dengan peruntukan \$50,000 ini tidak begitu memuaskan dan ianya lebih kepada sistem gotong-royong yang tidak mendapat bimbingan atau mana-mana pandangan daripada pihak yang lebih arif dalam bidang pembinaan ini. Jadi, saya menyarankan supaya konsep asrama desa ini dengan peruntukan yang begitu kecil supaya dapat ditambah agar menjadi asrama yang agak lebih sempurna. Di samping itu juga dapat dibekalkan dengan kemudahan-kemudahan yang lain sesuai dengan konsep asrama itu. Ini penting kerana sebuah asrama yang tidak menepati konsep asrama yang sebenar mungkin boleh menjadikan penghuni-penghuni asrama tidak begitu berselesa dan berminat dan ini akan

menjejaskan kepada mutu pembelajaran.

Tuan Pengerusi, hanya itu sahaja pandangan saya dalam Kementerian Pendidikan ini dan dengan ini saya menyokong.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Ampang Jaya.

4.26 ptg.

**Tuan Ong Tee Keat (Ampang Jaya):** Tuan Pengerusi, merujuk kepada Maksud Bekalan B.26, Kementerian Pendidikan di bawah Butiran 020300 dan 020400 iaitu Pendidikan Rendah dan Menengah pada muka surat 126, didapati bahawa Perbelanjaan Mengurus yang diperuntukkan kepada Emolumen menjangkau \$1,456,911,200 dan \$1,260 juta masing-masing bagi tahun 1990. Jumlahnya adalah kira-kira \$2,718 juta atau bersamaan 58% daripada jumlah Perbelanjaan Mengurus untuk Kementerian Pendidikan.

Saya difahamkan bahawa sebahagian besar daripada peruntukan tersebut adalah untuk membiayai pengambilan 10,380 orang guru baru untuk sekolah rendah dan 4,582 orang guru baru untuk sekolah menengah, di samping membiayai kos kenaikan gaji tahunan. Tetapi sejauh manakah pengambilan guru baru ini dapat mengatasi masalah kekurangan guru di semua peringkat dan semua kategori sekolah? Kita tidak dapat memperolehi sebarang maklumat daripada pembentangan Belanjawan kali ini. Dengan ini saya memohon Kementerian Pendidikan supaya memberi maklumat-maklumat yang berikut:

- (i) berapa orang guru yang dijangka akan bersara pada tahun 1990? Biasanya bila kita meninjau masalah kekurangan guru sekolah, hanya perangkaan pengambilan baru sahaja yang diketengahkan sedangkan bilangan guru bersara diabaikan selalu;
- (ii) di antara 10,380 orang guru baru untuk sekolah rendah, berapakah

bilangan yang diagihkan kepada sekolah kebangsaan, sekolah rendah kebangsaan, SRJKC dan SRJKT dan berapakah yang masih kekurangan bagi setiap jenis sekolah menjelang tahun depan.

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 030000-Pendidikan Teknik dan Vokasional pula, Perbelanjaan Mengurusnya telah nyata meningkat dari \$94,658,100 pada tahun 1989 ke \$122,315,600 pada tahun depan. Walaupun pertambahan tersebut adalah kira-kira 29%, tetapi peratusan perbelanjaan untuk pendidikan teknik dan vokasional bagi tahun depan hanya sekadar 2.6% daripada jumlah Perbelanjaan Mengurus untuk Kementerian Pendidikan sahaja.

Dalam pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian dan penarikan pelabur-pelabur asing kebelakangan ini, sering kali didapati bahawa kita masih menghadapi masalah kekurangan gunatenaga mahir di peringkat menengah dalam sektor perindustrian, terutamanya dalam sektor pembuatan. Memandangkan ketidakseimbangan antara permintaan dengan penawaran gunatenaga mahir dalam bidang teknik dan vokasional sekarang, saya berpendapat bahawa perbelanjaan yang diperuntukkan kepada pendidikan teknik dan vokesyenal adalah jauh lebih rendah daripada yang memadai.

Dengan ini, izinkanlah saya memohon Kementerian Pendidikan supaya menyatakan sejauhmana masalah kekurangan yang tersebut dapat dikurangkan atau diatasi, dan apakah anjuran perangkaan, penawaran dan permintaan gunatenaga teknik dan vokasional menjelang dekad 90an. Selama ini kenapa tidak usaha Kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Buruh dan Kementerian Belia dan Sukan dalam mengelolakan Pusat-pusat Latihan Perindustrian dan Pusat-pusat Latihan Belia dapat disepadukan dengan Kementerian Pendidikan? Tidakkah Kementerian sedar bahawa usaha-usaha sedemikian adalah bertindih selalu?

Tuan Pengerusi, bersabit pula dengan

Butiran 040600 iaitu Biasiswa dan Dermasiswa, pada muka surat 128, anggaran perbelanjaannya buat tahun depan dinyatakan berjumlah \$88 juta. Tetapi Timbalan Menteri Pendidikan pernah memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa bantuan kewangan Kerajaan yang diberikan kepada pelajar-pelajar kita hanya berupa biasiswa dan pinjaman sahaja, tidak ada dermasiswa sekarang. Nampaknya ini sudah bercanggah dengan apa yang tertera pada muka surat 128 kerana pemberian dermasiswa telah pun dimansuhkan sekarang.

Di samping itu, baru-baru ini juga saya difahamkan bahawa 80% daripada bantuan kewangan Kerajaan kepada pelajar adalah berupa pinjaman. Hanya 20% sahaja yang berupa biasiswa. Dengan ini, inginlah saya meminta penjelasan. Yang pertama, sama ada perbelanjaan sebanyak \$88 juta yang diperuntukkan di bawah Butiran 040600 ini juga diagihkan mengikut nisbah 20%:80% ini? Yang keduanya, setakat ini berapakah jumlah wang pinjaman yang telah dipulangkan kepada Kerajaan oleh semua peminjam-peminjam? Kepada peminjam yang tidak berbuat demikian, adakah Kementerian bertindak tegas dari segi undang-undang terhadap mereka? Yang ketiga, dalam penentuan penerima biasiswa, adakah Kementerian hanya mengambil kira pencapaian akademik seseorang calon atau latarbelakang sosio-ekonominya atau kedua-duanya sekali.

Tuan Pengerusi, di bawah P.26, muka surat 130, Butiran 00100, Pendidikan Rendah. Saya tertarik dengan peruntukan yang sebanyak \$201,774,300. Saya yakin bahawa jumlah tersebut juga merangkumi projek-projek pembinaan sekolah. Saya pernah dimaklumkan oleh Menteri Pendidikan sendiri dalam jawapan bertulisnya pada bulan Mac, tahun 1989 bahawa dalam tempoh pelaksanaan RML, projek pembinaan sekolah baru atau pembinaan tambahan dan gantian yang telah dikenalpastikan oleh Kementerian beliau adalah termasuk 2,132 buah projek untuk sekolah kebangsaan; 175 buah projek untuk SRJK (C) dan 49 buah projek untuk SRJK (T). Jumlahnya menjangkau 2,356 buah

projek. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, setakat ini berapakah projek yang telah berjaya dilaksanakan untuk setiap kategori sekolah dan berapa pula yang dijangka akan siap pada tahun 1990? Dan di antara 2,356 buah projek yang tersebut tadi, berapakah yang merupakan projek pembinaan sekolah baru untuk setiap kategori sekolah? Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah cukup, Yang Berhormat. Masa sudah cukup.

**Tuan Ong Tee Keat:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas.

4.35 ptg.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas)** Tuan Pengerusi, terima kasih. Oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya akan cuba mempercepatkan mengikut apa yang saya fikir utama.

Pertama, muka surat 125, Butiran 010000 mengenai dengan Program Pentadbiran Pendidikan Negeri-negeri dan Pengurusan Personnel. Secara ringkasnya, Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian antara tekanan yang selama diterima oleh pegawai-pegawai pentadbiran di peringkat Negeri ataupun di peringkat Kementerian ialah waktu sampai musim hujung tahun, apabila berlaku pertukaran guru-guru, di mana banyak tekanan politik telah dibuat terhadap Pengarah-pengarah Pendidikan Negeri, terutamanya yang bertanggungjawab dalam soal pertukaran guru. Saya ingin menarik perhatian perkara ini, Tuan Pengerusi, mungkin Yang Berhormat Menteri nanti akan menjawab, dalam soal pertukaran guru-guru, tidak ada tekanan politik, tidak ada tekanan-tekanan seumpama itu. Tetapi hakikatnya perkara ini sentiasa berlaku yang menyebabkan ada kadang-kadang berlaku di mana tuntutan-tuntutan oleh pihak-pihak politik supaya menukar tokoh-tokoh pendidikan di peringkat Negeri apabila bersikap tegas dalam menjalankan pengurusan pentadbiran masing-masing.

Bagi menjamin prestasi dan kelicinan pentadbiran Negeri terutamanya dalam soal pengurusan personnel, terutamanya dalam soal pertukaran guru-guru bagi kebaikan perkembangan pendidikan sekolah-sekolah dalam negara kita ini, saya menyeru dan berharap supaya Menteri Pendidikan memberi pembelaan yang sewajarnya dalam menghadapi tekanan-tekanan politik oleh pihak-pihak tertentu terhadap Pengarah-pengarah Pendidikan Negeri ataupun Timbalan-timbalan Pengarah Pendidikan Negeri yang bertanggungjawab dalam soal urusan pertukaran guru-guru tersebut. Perkara ini penting bagi menjamin kelicinan sepertiimana yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua ialah 010800-Hal Ehwal Luar Negeri.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi tahniah kepada Menteri Pendidikan yang telah dilantik sebagai Pengerusi Persidangan UNESCO baru-baru ini. Walaupun begitu, saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan di atas usaha untuk membawa balik negara Amerika Syarikat dan juga Britain ke dalam pertubuhan tersebut iaitu UNESCO. Apakah tanpa penyertaan Amerika Syarikat dan Great Britain, di antara negara-negara yang kita kira maju dan kuat ini, ianya akan menjejaskan UNESCO itu sendiri, kerana kita tahu Amerika Syarikat lebih-lebih lagi, sebuah negara yang sentiasa hendak menjadikan badan-badan dunia seumpama ini sebagai alat perkembangan imperialis mereka dalam kegiatan-kegiatan antarabangsa? Tanpa memenuhi cita-cita mereka, maka mereka menarik diri daripada UNESCO. Mereka tidak akan memberi bantuan, manakala kalau mendapat sokongan dan badan tersebut bergerak mengikut kehendak Amerika Syarikat maka sudah barang tentu ianya akan memberi sokongan. Oleh itu, saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan selaku Pengerusi Persidangan UNESCO, apakah UNESCO tidak mampu bergerak dan memberi sumbangan dalam bidang yang dimaksudkan ini tanpa

penyertaan Amerika Syarikat terutamanya, dan apakah faedah yang diperolehi oleh negara kita Malaysia selama ini sejak menjadi badan tersebut itu? Perkara yang ketiga, Tuan Pengerusi, 010900-Bantuan kepada Badan-badan Pendidikan dan lain-lain.

Pertama, berkenaan dengan Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengenai dengan protes senyap yang dilakukan oleh Sasterawan Negara iaitu A. Samad Said mengenai dengan rungutannya bersabit dengan bayaran royalti terhadap penulisan buku-bukunya yang dihasilkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka? Ianya amat memalukan kerana anugerah tersebut adalah anugerah yang diberi oleh negara, manakala mengikut apa yang saya baca dalam akhbar, Sasterawan Negara ini merasa kurang senang dengan bayaran royalti dan kemudahan-kemudahan yang patut diberi kepadanya sebagai seorang tokoh sasterawan negara.

Saya ingin mencadangkan supaya bayaran royalti kepada penulis-penulis, terutamanya yang menghasilkan buku melalui Dewan Bahasa dan Pustaka, diberi bayaran lebih dari segi royalti, ganjaran dan sebagainya sebagai usaha untuk menambah kegiatan penulisan dan minat di kalangan para penulis tanahair sebagai satu bidang profesion yang begitu penting dalam proses pembudayaan ilmu yang kita agung-agungkan selama ini.

Dan perkara yang seterusnya di bawah butiran yang sama, Tuan Pengerusi, ialah bersabit dengan bantuan kepada persatuan penuntut. Di sini ada diperuntukkan \$10,000. Saya ingin mencadangkan saya bantuan tersebut ditambahkan bagi menggiatkan lagi persatuan-persatuan penuntut sebagai badan organisasi pelajar yang akan membentuk pemimpin masa depan negara. Kegiatan seumpama ini boleh membantu kegiatan ko-kurikulum dan harus diberikan kebebasan yang sewajarnya dan Kerajaan sepatutnya memberikan bantuan yang lebih kepada kegiatan-kegiatan persatuan penuntut ini.

Manakala saya ingin mencadangkan di bawah butiran yang sama supaya Kerajaan mempertimbangkan di masa depan peruntukan khas di bawah bantuan lain-lain ini, iaitu mewujudkan perpustakaan di setiap sekolah di peringkat menengah dan rendah. Hari ini kita lihat sekolah-sekolah sudah pun mula cantik di setengah-setengah tempat kerana ada pertandingan sekolah-sekolah cantik sehingga pokok-pokok bunga pun sudah mulai masuk dalam bilik-bilik darjah, bukan main indah lagi di setengah-setengah sekolah. Walaupun bangunan tersebut ada setengah-setengahnya agak uzur, tetapi oleh kerana kempen kebersihan hendak mencantikkan sekolah, maka dihias dengan bunga-bunga. Tetapi perkara pokok, Tuan Pengerusi, saya dapati sekolah-sekolah kita belum ada perpustakaan yang lengkap. Dalam proses meningkatkan kempen membaca, sudah sampai waktunya patut diwujudkan di setiap sekolah rendah dan menengah perpustakaan yang lengkap dengan buku-buku yang updated, dengan izin, Tuan Pengerusi.

Perkara ini penting, kerana inilah tunggak ilmu dalam sesebuah sekolah. Kita ada madrasah untuk kegiatan dari segi ibadat, manakala kita ada sedikit sebanyak untuk kemudahan sukan, tetapi dari segi kegiatan membaca tanpa perpustakaan yang lengkap sudah barang tentu ianya tidak menolong murid-murid dari segi kegiatan kempen membaca. Maka sebab itu, saya ingin mencadangkan, Tuan Pengerusi, setiap sekolah rendah dan menengah di seluruh negara diwujudkan perpustakaan dengan diwujudkan bantuan di bawah butiran lain-lain untuk pada masa akan datang.

Perkara yang seterusnya, Tuan Pengerusi ialah Butiran 020000 Pendidikan Rendah, muka surat (126). Cadangan Tanggagaji Dua Skim Untuk Guru-guru Sekolah Rendah, antara lain, saya membaca dalam akhbar terdapat rungutan pihak kesatuan mengenai dengan guru-guru yang tidak ada kelulusan SPM, iaitu SRP dan Darjah 6, yang mana mereka ini jika hendak ditempatkan di bawah skim tersebut, terpaksa mengikuti kursus dan sebagainya. Manakala

sudah ada rungutan di kalangan guru-guru tersebut melalui kesatuan yang mewakili mereka, saya ingin menyeru dan mencadangkan kepada pihak Kementerian Pendidikan supaya menimbangkan tuntutan yang dibuat oleh kesatuan guru-guru ini, terutamanya memasukkan tanggagaji dua skim untuk guru-guru yang tanpa kelulusan SPM yang saya sebutkan tadi.

Seterusnya lagi, Tuan Pengerusi, perkara yang penting saya ingin bangkitkan di sini Butiran 060000, di muka surat 128 mengenai dengan pendidikan tinggi. Satu perkara yang saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri Pendidikan secara khusus ialah bersabit dengan Akta Universiti dan Kolej. Akta Universiti dan Kolej ini masih menjadi isu kontroversi yang seharusnya mendapat perhatian oleh seluruh rakyat negara kita.

Saya sendiri, Tuan Pengerusi, secara peribadi mempunyai sentimen yang kuat berhubung dengan Akta Universiti dan Kolej. Begitu juga dengan Yang Berhormat Menteri Pendidikan kerana Akta ini diwujudkan pada tahun 1974 setelah berlakunya Demonstrasi Baling waktu itu kerana berlakunya kebuluran rakyat yang berlaku di Baling yang mengakibatkan seluruh mahasiswa yang menuntut pada waktu itu bangkit menyuarakan hasrat dan isi hati rakyat sebagai golongan yang berada di menara gading. Akibat daripada itu diwujudkan Akta Universiti. . . .

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat itu sudah pergi kepada dasar.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Sedikit lagi, Tuan Pengerusi. Ini mengenai pendidikan tinggi. Sama juga.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Cerita Baling itu sudah pergi kepada dasar.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Okay, balik semula kepada pendidikan tinggi, Tuan Pengerusi, iaitu saya ingin mencadangkan supaya Akta Universiti dan Kolej ini yang telah dijanjikan oleh Menteri

Pendidikan berkali-kali, kalau tak silap saya, bahawa perkara ini akan dipinda, perkara ini akan dipinda, akan dikaji tetapi sampai hari ini belum sampai ke mana. Walaupun telah diberi alasan mengatakan walaupun ada Akta Universiti dan Kolej, ianya tidak semestinya menghalang pelajar-pelajar bergiat. Tetapi percayalah dan saya penuh yakin kalau kita lihat mahasiswa yang kita hasilkan di pusat-pusat pengajian tinggi hari ini akibat daripada Akta Universiti dan Kolej ini setengah-setengahnya begitu kaku dan beku sekali. Maka sebab itulah apabila kita lihat, apabila ada mahasiswa membatalkan konsert rok—Konsert Sheila Majid di Universiti Malaya baru-baru ini, ada yang terpaksa dihadapkan ke muka pengadilan dan ada juga yang dikenakan tahanan di bawah ISA, sebab konsert rock Sheila Majid semata-mata. Ini semua adalah kesan daripada Akta Universiti dan Kolej. Maka sebab itu, saya percaya, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri Pendidikan mempunyai kewajipan yang besar atau hubungkait sebagai seorang Menteri Pendidikan bertanggungjawab dalam menggubal kembali dan membalikkan atau kembali semula kepada autonomi universiti dan pusat pengajian tinggi sebelum Akta Universiti dan Kolej ini diwujudkan pada tahun 1974.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Masa sudah cukup.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Satu lagi, Tuan Pengerusi, sedikit sahaja. Saya ada 46 perkara, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Lain kalilah.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Ini yang terakhir sekali mengenai dengan Institut Teknologi Mara (ITM).

Tuan Pengerusi, menyentuh Pemberian Peruntukan—06020 di bawah Kod (Objek Am) 4000—Institut Teknologi MARA.

Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan, adakah Yang Berhormat Menteri Pendidikan sedar atau tidak, kenapakah banyak rungutan di kalangan kakitangan akademik dan persa-

taan kakitangan akademik ITM terhadap Pengarah Institut Teknologi MARA. Apakah masalah yang sebenarnya? Saya dengar ada banyak rungutan-rungutan. Sejauh manakah kerjasama di antara Pengarah Institut Teknologi MARA dengan kakitangan akademik ITM. Banyak rungutan bersabit dengan peluang-peluang perlantikan ketua-ketua kajian, peluang-peluang melanjutkan pelajaran ke luar negeri yang menyebabkan timbulnya suasana yang tidak senang hati, yang saya difahamkan oleh setengah-setengah pensyarah di ITM.

Sememangnya banyak perkara yang saya hendak bangkitkan, Tuan Pengerusi, oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih di atas kesempatan ini, walaupun ini merupakan Kementerian yang penting dengan peruntukan lebih \$4,000 juta dan banyak perkara yang harus dibahaskan. Tetapi maklum sahajalah, masa 10 minit, apa hendak dikata. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Serian.

4.48 ptg.

**Tuan Lainus anak Andrew Luwak (Serian):** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada muka surat 126, Maksud B.26 butiran 020000 Program/Aktiviti 020100, 020300, 020400.

Saya berpendapat bahawa masih banyak lagi pejabat-pejabat pendidik yang masih belum mempunyai pejabat-pejabat pendidikan, masih belum menggunakan bangunan atau rumahnya sendiri. Lebih-lebih lagi di Sarawak. Perkara ini kita patut timbang lebih serius oleh kerana pentadbiran di pejabat-pejabat yang mempunyai suasana yang sesuai akan meningkatkan prestasi pengurusan dan pentadbiran supaya cita-cita dan tujuan atau sasaran kita yang mahukan penuntut-penuntut kita berpengetahuan, berdisiplin dan bertanggungjawab. Untuk tujuan tersebut, saya ingin merayu kepada Kerajaan supaya peruntukan yang berjumlah lebih \$3 billion ditambahkan lebih banyak lagi.

Kita tidak mahu pejabat pendidikan yang sangat penting ini selalu menumpang, seperti yang saya telah sebut semasa membahaskan dasar Belanjawan 1989. Kita perlu pejabat yang luas di mana kita dapat membuat pameran alat-alat mengajar yang berkesan dan baik, sumbangan guru-guru yang berpengalaman dan kerja-kerja cemerlang murid-murid untuk pengetahuan dan tunjuk ajar kepada murid-murid dan guru-guru lain. Di situ juga guru-guru akan mengadakan mesyuarat-mesyuarat untuk kebaikkan profesyen mereka.

Saya ingin memberitahu bahawa di kawasan saya, Serian, pada masa dahulu pejabat pelajaran daerah menumpang di pejabat Majlis Daerah Ulu Sadong dan tempat buku teks macam tempat sampah sarap di satu bilik yang kecil. Selepas itu mereka menumpang di bilik sebuah sekolah menengah di mana guru-guru mandi peluh di bilik yang sempit sewaktu mengambil gaji mereka. Sekarang ini pula menumpang di sekolah rendah yang mana suasananya tidak begitu sesuai. Saya anggap inilah satu daripada sebab prestasi sekolah di Serian sangat rendah.

Tuan Pengerusi, saya ingin beralih kepada Maksud P.26, muka surat 131, Butiran 00100, Tajuk Kecil 02—Pendidikan Rendah: Sarawak.

Saya merasa senang hati apabila saya melihat anggaran bagi tahun 1990 adalah \$13,369,000 berbanding dengan \$6,000,600 sahaja pada tahun yang lepas, tetapi saya tidak puas hati jikalau peruntukan ini tidak melibatkan pemberian groundsman, dengan izin, kepada sekolah-sekolah di luar bandar. Jikalau peruntukan ini tidak melibatkan pemberian groundsman, dengan izin, kepada semua sekolah-sekolah atau cara mengawal rumput di kawasan sekolah, saya ingin peruntukan ini ditambahkan lagi memandangkan kita tidak mahu anak-anak kita yang masih muda, yang berumur di antara enam hingga tiga belas tahun memegang parang tajam seperti parang.

Tuan Pengerusi, memotong rumput di kawasan sekolah ialah amalan penjajah

British dahulu di mana pengambilan murid-murid tidak mengikut umur seperti mana sekarang. Darjah Satu pada masa itu adalah berumur di antara tiga belas hingga lima belas tahun dan mereka sudah tahu menggunakan parang, dan darjah yang ke atas sudah di peringat remaja.

Bersangkut dengan Maksud dan Butiran ini, saya merayu agar Kementerian membuat arahan supaya pemotongan rumput oleh murid-murid di sekolah-sekolah rendah diberhentikan dengan serta-merta kerana ini sangat berbahaya dan juga kita tidak mahu anak-anak kita memotong rumput sebelum bersekolah hingga mereka merasa letih, kotor dan gatal kena rumput. Keadaan begini membawa prestasi anak-anak kita di bidang pelajaran tidak memuaskan sebab mereka tidak selesa dan tidak di dalam suasana yang baik semasa belajar. Jikalau kita tidak mampu memberi seorang "groundsman", dengan izin, kepada sebuah sekolah di luar bandar, biarlah kita memberi seorang "groundsman" kepada dua buah sekolah atau kita menenderkan pemotongan rumput sebulan sekali bagi orang ramai.

Saya tidak akan memberi pandangan yang banyak lagi dan saya ingin berhenti kerana memberi peluang kepada rakan-rakan yang lain yang akan memberi pandangan yang lebih lanjut. Sekian sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Hulu Selangor.

*4.54 ptg.*

**Tuan S. S. Subramaniam (Hulu Selangor):** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada maksud Bekalan B.26, Butiran 020000 dan 050000, muka surat 126 dan 128, berkenaan dengan Pendidikan dan Perancangan Sekolah-sekolah Rendah di seluruh Semenanjung kita.

Yang pertama, saya ingin menyentuh di sini ialah berhubung dengan keadaan sekolah-sekolah Tamil di seluruh negara

kita. Parkara ini telah pun disentuh oleh beberapa ahli Yang Berhormat dari MIC di Dewan yang mulia ini dan juga di Dewan Senate beberapa kali dahulu, tetapi keadaan di sekolah-sekolah ini tidak berubah dan saya berpendapat ini dilakukan dengan satu pandangan yang amat negatif berhubung dengan sekolah-sekolah Tamil dan Cina, iaitu saya dapati ada beberapa pihak dalam Kementerian Pendidikan yang berhasrat untuk menutupkan sekolah-sekolah tersebut.

Sebagai contohnya, saya boleh menyentuhkan di sini, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil di Segambut serta juga Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Ulu Yam. Saya tidak dapat masa yang cukup untuk menjelaskan di atas perkara ini, tetapi saya boleh merujukkan kepada pihak Kementerian secara langsung untuk menerangkan perkara ini.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, sekejap. Yang Berhormat dari Sungai Petani.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Minta penjelasan, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Minta penjelasan, boleh?

**Tuan S. S. Subramaniam:** Saya tidak ada masa untuk memberi jalan bagi penjelasan itu, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Beliau tidak ada masa kerana ada banyak hendak bercakap.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Minta maaf, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Teruskan.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Kita telah pun dimaklumkan juga ada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat seperti kawan baik

saya dari Batu Berendam yang mempunyai sikap untuk menutup sekolah-sekolah Tamil dan Cina juga, tetapi mereka mempunyai sikap ini dengan hasrat dan tujuan yang murni, iaitu mereka berpendapat dengan penutupan sekolah-sekolah Cina dan Tamil, kalangan muda dalam masyarakat kita boleh menyatupadu dengan lebih berkesan. Walaupun hasrat ini harus dialu-alukan, kita juga mesti mengkaji apa yang sebenarnya sedang berlaku dalam sistem persekolahan kita pada masa kini.

Tuan Pengerusi, seperti kita semua telah maklum, sebahagian besar murid-murid kaum India dan Cina sedang menjalankan pendidikannya dalam sekolah-sekolah rendah kebangsaan dan apabila kita mengkaji bagaimanakah keadaan bersatu-padu dalam sekolah-sekolah kebangsaan ini, kita terdapat beberapa kelemahan-kelemahan yang harus diperbaiki di sekolah-sekolah ini. Saya dimaklumkan bahawa dalam beberapa sekolah ini, sebahagian guru-guru dan murid-murid dari satu kaum sedang mengambil satu sikap yang agresif terhadap murid-murid keturunan kaum India dan akibat dari sikap ini, beberapa ibu-bapa tidak begitu yakin untuk menghantar anak-anaknya ke sekolah-sekolah kebangsaan lagi. Beberapa kelakuan berhubung dengan perkara ini telah pun dikeluarkan dalam suratkhobar-suratkhobar dan saya rasa ada banyak lagi yang tidak dikeluarkan dalam suratkhobar.

Satu lagi kelemahan ialah berhubung dengan bacaan doa dalam beberapa sekolah-sekolah kebangsaan yang mana murid-murid dari kaum Cina dan India juga dipaksa mengikuti bacaan doa ini. Beberapa ibu-bapa bukan Muslim menentang bacaan doa ini dan mereka merasa lebih selesa untuk menghantar anak-anaknya di sekolah-sekolah jenis kebangsaan.

Tuan Pengerusi, kelemahan-kelemahan tersebut boleh dibuktikan dengan kenaikan bilangan murid-murid yang melanjutkan pelajaran mereka di sekolah-sekolah Tamil dan Cina. Walaupun saya tidak begitu arif di atas perkara persekolahan Cina, saya boleh katakan di sini, murid-murid dalam

sekolah Tamil telah meningkat dari 80,000 pada tahun 1976 kepada 89,000 pada tahun 1989. Walaupun bilangan sekolah-sekolah Tamil yang berada di negara kita telah menurun dari 606 pada tahun 1976 kepada 549 pada tahun 1989, apakah sebabnya untuk bilangan murid-murid di sekolah-sekolah Tamil meningkat dalam jangka-masa tiga belas tahun yang lalu?

Inilah satu kajian yang harus dilakukan dengan sedalam-dalamnya oleh satu Jawatankuasa dengan berpendapat "neutral" dan bukan oleh pihak Kementerian Pendidikan sahaja. Saya ingin memohon kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk menubuhkan Jawatankuasa ini dengan serta-merta dengan kemudahan untuk mendapat pandangan dari semua sektor yang terlibat dalam kepentingan pendidikan masyarakat kita khasnya untuk menyatu-padukan sistem pelajaran kita.

Tuan Pengerusi, sekali lagi saya ingin menyentuh di sini, sekolah-sekolah Tamil di negara kita sedang memenuhi satu peranan yang amat penting dalam masyarakat India oleh kerana hanya dengan sekolah-sekolah tersebut kita boleh memperluaskan sistem pelajaran kita kepada estet-estet dan kawasan-kawasan pendalaman. Jika kita akan menutup sekolah-sekolah tersebut, beberapa ribu murid dari kawasan pendalaman akan hilang peluang untuk mengikuti sistem pelajaran dalam negara kita, dan inilah satu keadaan yang tidak boleh diterima oleh pihak MIC pada bila-bila masa.

Tuan Pengerusi, marilah kita mengambil satu sikap yang lebih positif terhadap sekolah-sekolah Tamil dan Cina. Marilah kita pada peringkat pertama menukarkan semua sekolah-sekolah ini kepada sekolah-sekolah bantuan penuh dan marilah kita menaikkan taraf pengajaran dan memberi segala kemudahan kepada semua sekolah-sekolah bantuan modal kita. Selepas itu marilah kita buka pintu sekolah-sekolah ini kepada bukan sahaja murid-murid dari satu kaum tetapi kepada semua kaum, dan saya rasa dengan pembukaan ini, sekolah-sekolah tersebut yang tidak

dialu-alukan pada masa kini boleh diterima sebagai sekolah-sekolah yang sebenarnya sekolah nasional pada masa kelak.

Inilah cara yang baik untuk menyelesaikan masalah ini. Inilah cara yang berada di dalam Perlembagaan negara kita dan walaupun ini bukanlah cara yang berpendidikan, saya rasa kita tidak boleh mencapai kepada hasrat yang telah ditunjukkan oleh Yang Berhormat dari Batu Berendam dan juga beberapa pihak dari Kementerian Pendidikan dengan cara untuk menutupkan sekolah-sekolah Tamil dan Cina dengan serta-merta.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Butiran 070000. . . .

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** (*Bangun*) Tuan Pengerusi. Saya minta penjelasan.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Tidak ada masa untuk penjelasan, Tuan Pengerusi, saya minta maaf.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Beliau tidak beri, Yang Berhormat dari Batu Berendam.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Saya beralih kepada Butiran 070000, muka surat. . .

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** On a point of order, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat sekejap. Point of Order.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat itu merupakan menyalahi Peraturan 36 (6), iaitu seorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas seseorang Ahli yang lain. Yang Berhormat telah mengeluarkan sangkaan jahat kepada Ahli dari Batu Berendam dan hendak mengeluarkan sangkaan jahat kepada pegawai-pegawai di Kementerian Pendidikan. Terima kasih.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Tuan Pengerusi, saya tidak mengeluarkan apa-apa sangkaan jahat, saya telah memuji Ahli Yang Berhormat dari Batu Berendam untuk satu sikap yang telah diambil untuk menyatupadukan negara kita ini.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Jadi maknanya dia bersetujulah dengan cadangan saya ini?

**Tuan S. S. Subramaniam:** Ya, hanya cara yang saya tidak bersetujulah. Itu sahaja.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Cara sahaja.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Ya. Saya beralih kepada Butiran. . . .

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, masa sudah cukup—sudah lebih. Masa Yang Berhormat sudah lebih.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Tuan Pengerusi, saya ada sedikit sahaja lebih, oleh kerana saya telah diganggu banyak kali.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Tidak apa, saya beri setengah minit injury time.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Tuan Pengerusi, kekurangan guru-guru terlatih telah menjadi satu masalah yang penting untuk menaikkan taraf pendidikan dalam sekolah-sekolah Tamil. Saya dimaklumkan bahawa dari satu kajian yang telah dilakukan oleh Kementerian sendiri, kita terdapat kekurangan 867 guru pada tahun 1983 dalam sekolah-sekolah Tamil dan 512 guru pada tahun 1988.

Saya dapati pihak Kementerian tidak mengambil apa-apa langkah untuk memenuhi kekurangan ini tetapi sebaliknya telah mengurangkan baru-baru ini 67 orang guru-guru sementara dari sekolah-sekolah Tamil. Saya dapati guru-guru sementara ini berumur 45 ke 50 tahun dan telah berkhidmat selama 25 tahun dalam Kementerian Pendidikan sebagai guru sementara. Saya ingin bertanya apakah tujuan Kement-

terian untuk menyimpan seorang guru sebagai guru sementara selama 25 tahun dan pada akhirnya dipanggil dia keluar dari Kementeriannya.

Saya dapati juga dari jumlah 5,106 orang guru-guru dalam sistem pendidikan sekolah-sekolah Tamil kita masih mempunyai 1,500 orang guru-guru sementara dan kebanyakan mereka telah berkhidmat melebihi 15 tahun. Jika kita darab bilangan guru-guru dengan jumlah tahun mereka telah berkhidmat sebagai guru sementara kita boleh dapat suatu angka yang boleh dapat dimasukkan saya rasa dalam "Guinness Book of World Records", dengan izin.

Tuan Pengerusi, saya rasa ini bukanlah hasrat Kementerian Pendidikan. Oleh yang demikian, saya ingin memohon kepada mereka untuk menghapuskan guru-guru sementara ini secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Butiran. . . .

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Sudah cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Padang Terap.

*5.01 ptg.*

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap):** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada halaman 131, Butiran 00800 di bawah tajuk Rumah-rumah Guru Luar Bandar (Semenanjung).

Tuan Pengerusi, tahun lalu saya bercakap mengenai hal ini dan memberi contoh kawasan saya yang sungguh mundur iaitu kawasan Padang Terap. Oleh sebab sekarang ini masih lagi tiada kemajuan berlaku iaitu selama satu tahun, saya ingin dan terpaksa bercakap lagi. Saya harap kawasan saya pada tahun hadapan akan mendapat sebahagian ataupun segelintir dari \$8 juta yang diperuntukkan itu.

Tuan Pengerusi, di dalam kaedah pelajaran dan pembelajaran, khususnya pada masa ini yang mana aktiviti

ko-kurikulum dititikberatkan pada semua peringkat, keperluan untuk guru berinteraksi secara intensive dan extensive dengan murid-murid adalah sangat-sangat meninggi. Sekolah-sekolah luar bandar khususnya di kawasan saya wujud di tempat yang tandus dari segi kemudahan sosial. Macam kata Yang Berhormat dari Rantau Panjang pada hari semalam, guru-guru ini lebih suka tinggal di bandar dan berulang-alik ke sekolahnya di kampung yang berbatu-batu jauhnya. Kalau ada yang hendak tinggal di desa di persekitaran sekolahnya itu pun tidak ada rumah untuk disewa. Penduduk-penduduk kampung terlalu miskin untuk melabur wang untuk membina rumah sewa. Di dalam pada itu pula pelabur serupa ini di kampung yang mana rumah dibuat dari kayu tidak membawa peluang yang baik kerana faktor-faktor ekonomi yang kita sedia maklum iaitu tiada persaingan, tiada permintaan atau permintaan yang terhad dan lain-lain lagi. Oleh itu janganlah pula disuruh orang-orang desa melabur di dalam sektor ini sebagai jawapan kepada soalan permasalahan yang saya bawa ini.

Saya merujuk pula kepada Butiran 00900 Asrama (Semenanjung), Program/ Aktiviti 02-Asrama Desa yang telah diperuntukkan sebanyak lebih kurang dekat \$3 juta. Peruntukan ini ditunjuk untuk tahun ini sahaja dan ini adalah kerana idea untuk diwujudkan asrama desa ini saya fikir adalah idea baru yang sungguh innovative. Saya memberi penghargaan yang tinggi kepada Kementerian kerana memikirkan dan mewujudkannya.

Duhulu saya berasa sangsi dan sedikit kritikal mengenai style pendidikan di-negara kita ini yang sangat berupa elitistic. Bentuk elitistic ini adalah warisan dari zaman kolonial yang sebilangan penuntut sahaja yang dipilih untuk pergi ke sekolah-sekolah pusat. Yang lain tertinggal. Pada masa ini sebilangan kecil penuntut-penuntut di desa yang mana sekolah-sekolah yang mereka belajar menghadapi kekurangan kemudahan yang sungguh acute dipilih untuk belajar di sekolah-sekolah pusat di atas kriteria pencapaian mereka di dalam

peperiksaan Darjah 5 dan Darjah 6. Tetapi, Tuan Pengerusi, yang tinggal di desa adalah banyak lagi penuntut-penuntut yang pencapaiannya hanya kurang sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi, sebagai seorang student of Social Science, dengan izin, saya tidak setuju dengan cara ini sepenuhnya kerana seseorang manusia itu tidak boleh dinilai dari segi pencapaian intelektualnya pada umur yang masih mentah iaitu di dalam lingkungan 8 hingga 10 tahun. Ada di kalangan kita yang disifatkan sebagai late developers, dengan izin. Pada zaman muda late developers ini terlalu dipesongkan minatnya terhadap pelajaran formal dan mereka ini lebih kreatif dan mempunyai free spirit, dengan izin. Kemungkinan besar bahawa banyak penuntut-penuntut yang tinggal di desa yang tidak terpilih ke sekolah-sekolah pusat dan sekolah-sekolah elite yang berasrama penuh adalah late developers. Kemungkinan ini lebih positif lagi apabila dikira susunan alam dan sosial di desa itu menggalakkan free spirit dan pemupukan nilai kreativiti pada umur yang muda yakni di dalam lingkungan 8 tahun yang mana tidak dapat menerima pelajaran-pelajaran yang terlalu formal.

Tuan Pengerusi, di dalam saya dilamuni dengan kesangsian dan perasaan kritikal ini, Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah membawa idea asrama desa ini untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih sesuai kepada anak-anak kita yang tertinggal di kampung dan yang mempunyai potensi intelektual sama seperti mana-mana penuntut lain.

Saya mengambil peluang ini memberi penghargaan kepada beliau dan pegawai-pegawai beliau yang membawa idea ini. Saya memohon agar projek ini diperluaskan ke seluruh desa di tanahair. Tetapi sebelum diperluaskan, saya minta supaya satu jangka prioritas diwujudkan dengan mengambil kira kawasan-kawasan yang miskin. Di kawasan-kawasan miskin di mana-mana sahaja di tanahair, sumber yang ada hanyalah manusia, Tuan Pengerusi. Sumber lain ketandusan. Untuk menentukan keadilan berlaku perlu sangat dibina

sumber ini melalui bekalan pendidikan yang cukup. Kawasan contoh yang par excellent, dengan izin, ialah kawasan saya di Padang Terap di mana pendidikan terjejas bukan sahaja disebabkan oleh ketiadaan kemudahan pembelajaran yang cukup malah ketiadaan zat makanan yang cukup untuk membina otak.

Saya mencadang juga kepada Kementerian supaya menyediakan manual bagaimana hendak hidup berasrama supaya satu daripada nilai yang hendak dipupuk di asrama ialah disiplin. Disiplin amat penting untuk mengawal anak-anak yang mempunyai free spirit yang mana saya kata lebih awal tadi, lebih-lebih lagi apabila asrama-asrama ini dibuat daripada kayu dan papan.

Yang Berhormat Menteri sedia maklum, satu daripada ciri-ciri budaya free spirit yang terdapat di desa-desa termasuk semua desa-desa bukan sahaja kawasan saya ialah aktiviti mengendap. Kalau tidak diwujudkan manual disiplin yang saya cadang itu saya pasti warisan ini akan diteruskan oleh anak-anak kita di desa itu. Asrama penuntut perempuan akan menjadi tumpuan pada waktu malam.

Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan juga supaya projek asrama desa ini diberi satu dimensi yang selama ini belum wujud. Dimensi yang saya maksudkan ini ialah penglibatan ibu bapa secara meluas di dalamnya. Penglibatan ini bolehlah dibuat secara penglibatan ibu bapa di dalam institusi pondok di zaman dulu iaitu ibu bapa murid-murid digembelingkan tenaga untuk mendirikan asrama, memberi tenaga buruh yang mana mampu, sumber ekonomi yang lain untuk mewujudkan asas ekonomi asrama itu. Contohnya kebun-kebun sayur boleh diwujudkan dengan kerja pembangunannya dibuat oleh ibu bapa dan kerja maintenancenyanya, dengan izin, dibuat oleh murid-murid. Janganlah dibebankan murid-murid itu dengan kerja-kerja pembangunan yang berat seperti mana disebut oleh Yang Berhormat dari Serian tadi. Ataupun ibu bapa diminta derma beras segantang sepenggah dan juga lain-lain hasil kampung untuk dimakan dan dijual,

dijadikan modal menguruskan asrama itu. Banyak lagi ciri-ciri budaya institusi pondok yang baik boleh diambil, Tuan Pengerusi. Ahli-ahli Sains Sosial di dalam Kementerian patut mengkaji ini dan terapkan ia ke dalam program asrama desa ini.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, mukasurat 129, Butiran 080000, Program/Aktiviti 080100 Lembaga Peperiksaan.

Saya ingin memanjangkan rayuan dan rintihan guru-guru yang dipilih untuk mengendalikan peperiksaan SRP/SPM/STPM dan juga pemeriksa kertas supaya ganjaran dari segi upahan dan tuntutan mileage dinaikkan. Upahan dan kadar tuntutan mileage yang ada sekarang adalah sangat rendah. Mengikut kata mereka dengan struktur ganjaran yang ada pada masa ini, pada segi reaksi yang natural tidak banyak guru yang akan menerima lantikan sebagai Penyelia dan Pegawai Pemeriksaan serta Pemeriksa Kertas. Mereka menerima lantikan ini berasaskan perasaan sosial ataupun moral responsibility, dengan izin. Dengan kadar yang ada sekarang ini mereka hanya disuruh berkorban. Mungkin pembocoran kertas periksa Bahasa Malaysia baru-baru ini ada kaitannya dengan apa yang saya katakan itu. Dari segi ganjaran yang diberi itu tidak membawa motivasi yang cukup. Oleh itu saya menyeru Kementerian mengkaji semula kadar-kadar ganjaran ini.

Sehubungan dengan Butiran yang sama ini, saya ingin menyeru Kementerian mengambil daya utama untuk mewujudkan hukuman yang lebih berat ke atas penjenayah yang membocorkan Kertas-kertas Peperiksaan. Tahun sudah apabila ada pembocoran dan orang yang bersabit kesalahan dihukum denda hanya \$200 sahaja pada hal Kertas yang dibocorkan itu dijual dengan harga \$400. Ini bermakna jenayah itu masih boleh menunjuk profit and loss account yang positif. Saya haraplah pihak Kementerian mengkaji hal ini di dalam usahanya menambahkan sekuriti Kertas Peperiksaan dan menjaga

kredibilitinya yang selama ini sememangnya sudah tinggi di bawah pimpinan seorang Menteri yang sangat gigih. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Larut.

*5.11 ptg.*

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut):** Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi peluang. Setahu saya di dalam Dewan ini belum ada Ahli yang bercakap mengenai penuntut-penuntut di seberang laut.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Peruntukan berapa, Yang Berhormat?

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Mukasurat 127, Butiran 040000, Aktiviti 040200-Penuntut di Seberang Laut.

Tuan Pengerusi, walaupun kita sudah mempunyai 7 buah universiti di tanahair, kita masih menghantar penuntut-penuntut belajar di luar negeri sama ada dengan biasiswa Kerajaan, bantuan-bantuan tertentu dari institusi-institusi berkenaan dalam kursus-kursus yang tertentu bagi kepentingan negara. Penuntut-penuntut kita memang ramai di Amerika, England, Australia dan lain-lain termasuk yang belajar agama di Timur Tengah.

Apa yang saya ketahui dan apa yang saya diberitahu bahawa sebelum mereka bertolak ke luar negeri, mereka diberi orientasi mengenai negara-negara yang mereka akan pergi belajar. Umpamanya mereka perlu mengetahui sedikit sebanyak tentang kehidupan orang-orang di England, Amerika ataupun Australia. Tetapi apabila sampai di satu-satu negara, saya percaya penuntut-penuntut ini lebih memberi prioritas, mengikut perkataan Ahli dari Padang Terap, kepada perjumpaan-perjumpaan mereka dengan Syeikh-syeikh dari Pakistan ataupun Afganistan, diberi pula belajar seikit sebanyak ilmu agama secara mukaddimah dan berdakwah lebih daripada keperluan kenapa mereka dihantar ke

negara-negara itu. Kita mengetahui bahawa dalam soal ini, kalaulah penuntut-penuntut kita ini hendak menjadi ahli dakwah, maka negara-negara yang sesuai bagi mereka pergi bukanlah mempelajari dakwah daripada orang-orang Pakistan yang frustrated di England ataupun di Edinburgh.

Tuan Pengerusi, walaupun kita disuruh oleh Rasulullah mempelajari agama di mana-mana sahaja, tetapi Kementerian Pendidikan menghantar pelajar-pelajar ini untuk mempelajari pelajaran yang mana telah ditandatangani oleh mereka dalam agreement yang mana kalau dengan biasiswa adalah ditanggung oleh taxpayers. Jadi mereka mestilah memberi prioriti kepada pelajaran yang diberi. Kalau belajar undang-undang, undanglah, kalau belajar kedokteran, kedokteranlah, kalau belajar kejuruteraan, kejuruteraanlah dan di samping itu mereka memanglah tidak boleh ditegah untuk mempelajari agama tetapi bukanlah untuk menjadi pendakwah.

Setahu saya Kerajaan Malaysia dan institusi-institusi lain tidak pernah memberi biasiswa untuk pergi ke Ben Ghazi atau Libya umpamanya. Apa yang saya tahu ada pelajar-pelajar yang pergi ke tempat-tempat ini dengan meninggalkan pelajaran mereka dan tidak mengikuti apa yang ditandatangani oleh mereka. Ini adalah merugikan rakyat, negara, tanahair dan merugikan ibu-bapa. Tuan Pengerusi, semasa saya belajar undang-undang di England, perkara seperti ini tidak berlaku.

Begitu juga penuntut-penuntut apabila sampai ke negara-negara lain mereka mula membenci kepada Kerajaan sedangkan mereka mendapat biasiswa dari Kerajaan dan mereka itu mendapat pamphlets dari parti-parti yang tidak bertanggungjawab dalam negara ini untuk menghina dan menghentam Kerajaan. Saya menyeru kepada pegawai-pegawai kita di England dan di negara-negara lain supaya mengambil berat tentang jejak langkah penuntut-penuntut kita di luar negeri.

Tuan Pengerusi, dalam hal yang lain, penuntut-penuntut ini di dalam Surat per-

janjian Biasiswa adalah ditegah untuk berkahwin. Oleh kerana mereka mengikut ajaran sesat tadi mereka terus mahu mengikut jejak langkah Rasulullah. Kalau dalam agreement itu tertulis bahawasanya, dengan izin:

“No student shall while pursuing the said course get married or to be married without the consent of the authority.”

Saya harap perkataan “without the consent of the authority” ini dipotong kerana ini arguable, dengan izin, dan mereka meminta consent. Bukan kita tidak mahu mereka berkahwin tetapi biarlah mereka menunaikan tugas mereka sebagai penuntut-penuntut dan janganlah berdakwah sampai tidak berjaya di dalam pelajaran mereka.

Tuan Pengerusi, dalam lawatan saya baru-baru ini ke Washington, kita mengadakan dialog dengan penuntut-penuntut di sana dan saranan yang diberi oleh penuntut-penuntut di sana ialah, katanya, mereka mempunyai biasiswa yang begitu terhad sekali dan ini menunjukkan bahawa mereka terpaksa tinggal di dalam satu bilik dua orang, tiga orang, empat orang atau enam orang. Di Amerika sekarang ini, kalau orang lelaki tinggal dua orang satu bilik, tiga orang satu bilik atau empat orang satu bilik mereka memandang hina kerana Amerika baru sahaja meluluskan satu legislation, dengan izin, “of the gay society so that they can be permitted to get married to each other.” Kerana kita takut penyakit ini dibawa dan nanti pening pula Pejabat Agama yang mana masalah yang ada ini pun sudah meningkat. Justeru itu saya mohon supaya Kementerian Pendidikan menaikkan biasiswa kepada penuntut-penuntut kita khasnya di England dan Amerika Syarikat.

Tuan Pengerusi, itu sahaja, terima kasih

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Bachok.

5.19 ptg.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok):** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas kepada yang berhormat Menteri Pendidikan kerana sikap berani dan tegasnya mengenai perkara kebocoran kertas soalan Bahasa Malaysia dalam peperiksaan SPM baru-baru ini. Sambil itu saya juga ingin mengucapkan tahniah di atas kejayaan beliau terpilih sebagai Presiden UNESCO selama dua tahun. Kejayaan ini merupakan penghormatan tertinggi terhadap Sistem Pendidikan di negara kita.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai Dewan Bahasa dan Pustaka, iaitu mukasurat 126, Kod 40000 (i) yang mendapat peruntukan sebanyak \$20 juta bagi tahun 1990 berbanding dengan \$16 juta dalam tahun 1989.

Kita semua sedia maklum semenjak ditubuhkan Dewan Bahasa dan Pustaka selama 33 tahun yang lalu, ianya telah berkembang dengan pesat dan menjadi sebuah agensi penerbitan dan persuratan yang terbesar di negara kita ini. Dengan kakitangan yang pada awalnya hanya boleh dibilang dengan jari, kini melebihi angka 1,000 orang. Dalam organisasi juga terdapat berbagai bahagian dari bahasa, sastera, penerbitan sehinggalah kepada bahagian yang kecil sekali. Dengan tenaga yang begitu besar, hari ini Dewan Bahasa dan Pustaka jelas memainkan peranan penting dan berkesan untuk memaju dan memperkembangkan bahasa dan sastera Melayu.

Tuan Pengerusi, sebagai agensi yang mempunyai tugas besar dan berat, saya suka menarik perhatian Kementerian Pendidikan supaya dapat mengurangkan sedikit kegiatan-kegiatan Dewan Bahasa dan Pustaka yang cenderung kepada sastera dan teater sehingga terdapat gejala seolah-olah keilmuan bahasa itu terabai. Pada pendapat saya, Dewan Bahasa dan Pustaka sepatutnya melipatgandakan usaha menerbitkan lebih banyak lagi buku-buku rujukan daripada pelbagai sumber sama ada dari buku-buku Inggeris, Arab, Jepun, Perancis, Jerman dan China supaya skop

ilmu pengetahuan masyarakat yang menggunakan Bahasa Melayu atau Bahasa Kebangsaan tidak terbatas. Daya usaha ini sangat penting bagi membantu pelajar-pelajar yang lemah dalam bahasa kedua iaitu bahasa Inggeris. Saya membuat saranan ini, Tuan Pengerusi, adalah kerana saya yakin kegiatan kesusasteraan seperti majlis-majlis membaca sajak, drama dan lain-lain boleh diambil bahagian oleh penerbit-penerbit lain seperti Utusan Melayu, Berita Harian dan berpuluh-puluh buah lagi syarikat penerbitan swasta dan persatuan-persatuan penulis melalui penglibatan pihak swasta dan persatuan-persatuan seperti ini.

Untuk memberi perhatian kepada penerbitan buku rujukan, Dewan Bahasa dan Pustaka seharusnya memberi galakan iaitu menilai pembayaran royalti yang lebih tinggi kepada pakar-pakar atau cerdik pandai yang terlibat menghasilkan buku-buku berkenaan. Sekiranya perlu setiap buku rujukan yang diterbitkan dijadikan teks rujukan di semua pusat-pusat pengajian tinggi. Dengan membuat begini, pihak penerbit sekurang-kurangnya dapat mengatasi masalah pasaran dan kekurangan teks rujukan kepada pelajar-pelajar. Selain daripada memberi galakan kepada para cerdik pandai, Dewan Bahasa dan Pustaka juga perlu mendorong para editornya supaya lebih produktif dalam menghasilkan buku-buku mengikut kepakaran masing-masing. Bukan bertugas sebagai pengodit atau pengurus kepada judul-judul buku-buku yang ditulis oleh penulis-penulis luar sahaja. Tugas seperti ini mestilah dihayati oleh semua editor di Dewan Bahasa dan Pustaka supaya mereka dapat membantu Dewan Bahasa dan Pustaka mencapai matlamatnya dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Pengerusi, di samping memainkan peranannya untuk memajukan sastera dan bahasa dengan menerbitkan buku-buku serta jurnal di dalam Bahasa Kebangsaan, saya kira Dewan Bahasa dan Pustaka juga boleh membantu Lembaga Peperiksaan mencetak kertas-kertas soalan peperiksaan bagi menjimatkan kos percetakan di luar negeri. Sebelum tugas ini diambil alih oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, saya ingin

mengingatkan supaya semua aspek keselamatan mestilah dipertingkatkan untuk menjamin kerahsiaan setiap kertas soalan yang akan dicetak. Tindakan-tindakan ini juga tidak terkecuali bagi Lembaga Peperiksaan. Langkah-langkah yang perlu diambil ialah mengenakan pemeriksaan keselamatan kepada semua kakitangan Lembaga dan bahagian penerbitan termasuk tidak membenarkan mengambil atau membawa keluar atau masuk sebarang bentuk kertas dari premis percetakan. Setiap orang hanya dibenarkan membawa dompet kecil dan wang belanja untuk semasa bertugas sahaja. Dengan merangkumi semua tugas-tugas tersebut, Dewan Bahasa dan Pustaka akan menjadi sebuah agensi terpenting di bawah Kementerian Pendidikan demi untuk memajukan lagi Bahasa Kebangsaan dan mengekalkan kualiti pelajaran di negara ini.

Saya ingin beralih pula kepada Butiran 040400 mengenai Pembahagian Buku-buku Teks di bawah Projek Kebajikan Penuntut-penuntut, mukasurat 127 dan 128.

Tidak dapat dinafikan semenjak dasar pembahagian buku teks dilaksanakan banyak pelajar telah mendapat faedah daripada skim ini. Nikmat ini sangat besar artinya terutama penuntut-penuntut miskin yang tinggal di luar bandar. Mereka ini adalah golongan yang sebenarnya memerlukan bantuan daripada Kerajaan supaya mereka dapat menimba ilmu pengetahuan sebaik mungkin daripada sekolah-sekolah bantuan kerajaan dan mudah-mudahan mereka ini akan muncul sebagai cerdik pandai yang berguna di masa hadapan. Tetapi saya merasa amat terkilan dengan peruntukan yang disediakan untuk tahun 1990 hanya sebanyak \$62 juta sedangkan bagi tahun 1989 berjumlah \$72,193,000. Adakah pengurangan ini menunjukkan Kerajaan sedang merancang untuk mengurangkan sedikit demi sedikit sehingga tidak perlu dikeluarkan bantuan lagi akhirnya. Jikalau andaian ini benar, saya ingin tahu adakah Kementerian Pendidikan telah menetapkan masa tertentu untuk menamatkan skim bantuan buku-buku teks ini? Dalam soal pembahagian

buku-buku teks ini, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Pendidikan supaya membuat penyemakan sekurang-kurangnya tiga tahun sekali bagi memstikan buku-buku yang telah diedar berada dalam keadaan baik.

Saya menimbulkan hal ini, Tuan Pengerusi, kerana saya dapati terdapat penuntut yang dikira malang nasibnya terpaksa menerima buku teks yang telah lusuh atau berceraian untuk kegunaan. Keadaan ini bukan sahaja merosakkan nama baik Kementerian Pendidikan malahan boleh mematahkan semangat penuntut itu untuk belajar. Kesan-kesan kurang menggalakkan ini perlulah diatasi oleh pihak Kementerian dengan seberapa cepat mungkin dan dengan segera.

Lain dari menggantikan buku-buku yang telah rosak, pihak Kementerian Pendidikan khasnya dan Dewan Bahasa dan Pustaka yang menjadi pembekal tunggal buku-buku teks bantuan memastikan ia tiba di sekolah lebih awal. Isu kelewatan pembahagian buku-buku teks ini sememangnya diketahui umum telah berlaku bukan sahaja sekarang malahan dari sejak ini diperkenalkan. Kelewatan ini bukan sahaja mnjejaskan imej Kementerian Pendidikan malahan mengambarkan ketidakcekapan pihak penganjur. Oleh kerana itu, sistem pembahagian buku-buku mestilah diperbaiki dari masa ke semasa.

Saya percaya dengan gabungan usaha serta kesungguhan kita akan dapat mencetuskan suasana pembelajaran yang lebih sempurna dan memberangsangkan. Ciri-ciri ini kelak dapat menarik setiap lapisan masyarakat sama ada di bandar mahupun luar bandar berlumba-lumba mencari ilmu pengetahuan menerusi sekolah-sekolah yang dikelolakan oleh Kerajaan. Sekian.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

5.26 ptg.

**Tuan Chian Heng Kai (Bukit Mertajam):** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada mukasurat 126-Pendidikan Menengah.

Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan dua perkara di sini iaitu perkara yang pertama ialah berkenaan dengan sekolah menengah persendirian. Pada masa sekarang, sekolah menengah persendirian ini tidak dapat sebarang bantuan daripada Kerajaan memandangkan sebelum tahun 1961 sekolah-sekolah jenis ini pernah dapat bantuan daripada Kerajaan. Juga memandangkan sekolah ini telah mengurangkan banyak bebanan Kerajaan kita, jadi di sini saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan boleh memberi bantuan terutamanya bantuan wang kepada sekolah menengah persendirian ini.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, baru-baru ini sahaja saya dapat tahu bahawa ada sebuah sekolah menengah persendirian iaitu Fung Yu Associated School di Johor Bahru ingin memohon mendirikan sebuah cawangan di Kulai di mana kawasannya adalah di bawah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan tetapi ditolak tanpa sebarang alasan. Jadi, saya ingin di sini meminta supaya Kerajaan boleh beri satu sebab mengapa permohonan itu ditolak. Sekian sahaja.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Sungai Petani.

5.29 ptg.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad (Sungai Petani):** Bismillahir-rahmanir-rahim. Saya pada mulanya membantah dengan sekeras-kerasnya kenyataan yang telah dibuat oleh Ahli dari Hulu Selangor yang mengatakan bahawa Kementerian dan pegawai-pegawai dari Kementerian mengabaikan Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil. Suka saya merakamkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa sebenarnya pemimpin-pemimpin merekalah yang tidak banyak mengambil tahu bagi sekolah-sekolah tersebut kerana saya ada

mempunyai bukti yang jelas. Saya sendiri telah melawat sebuah sekolah Tamil di sebuah ladang dan saya melawat ke sekolah itu beberapa kali.

Kemudiannya atas simpati kepada sekolah tersebut, saya telah membawa Guru Besar dan P.I.B.G. sekolah itu berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri Pendidikan, dan kemudiannya saya telah menjemput pemimpin-pemimpin mereka supaya hadir ke sekolah ini di dalam perjumpaan-perjumpaannya, tetapi tidak seorangpun yang hadir, hanya pandai mengokok di dalam Dewan ini untuk menunjuk-nunjuk sesuatu, tetapi tidak berkerja sebenar-benarnya untuk rakyat mereka.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada buku Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 1990, muka surat 256 di mana saya tidak ingin membaca yang panjang. Saya hanya hendak baca sedikit sahaja yang ada hubungan dengan apa yang saya hendak cakap di dalam Dewan ini:

- (a) Aktiviti Pengurusan Pendidikan Rendah dan Menengah. Tujuan-Mengurus serta menyelaras segala aktiviti pendidikan rendah dan menengah supaya objektif program ini dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Bagaimana objektif ini boleh dilaksanakan dengan berkesan sekiranya peruntukan yang diberi kepada sekolah-sekolah dan kepada pentadbiran di negeri-negeri berkurangan? Saya merujuk kepada muka surat 125, Butiran 010000. . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Muka surat berapa Yang Berhormat?

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** 125. Butiran 01000-Pentadbiran Am

Anggaran-anggaran bagi tahun 1989 berjumlah sebanyak \$234,938,770 sedangkan anggaran bagi tahun 1990

berjumlah sebanyak \$152 juta sahaja, hampir-hampir separuh dikurangkan. Bagaimana pihak pentadbiran dan pelaksana boleh menjalankan tugas masing-masing dengan berkesan kalau peruntukannya dipotong hampir separuh. Kemudian saya membelek-belek di sini, penat mencarinya, kalau mata saya tertipu, kalau bacaan saya tidak betul, saya melihat pula tentang jawatan, jawatan bagi tahun 1989 ialah sebanyak 6,381. Maka peruntukan bagi tahun 1990 dipotong kepada 6,002 orang sahaja, bearti berkurangan sejumlah 379 orang. Peruntukan kewangan dikurangkan, peruntukan tenaga manusia juga dikurangkan. Bagaimana pihak pentadbiran pelaksana itu boleh berjalan dengan berkesan? Saya rasa agak sukar bagi saya atau saya sendiri tidak dapat memberi jawapan atas perkara ini, mungkin hal-hal ini berlaku salah cetak, tetapi saya tidak fikir berlaku salah cetak kerana saya telah membuat beberapa kiraan-kiraan di sini dan kiraan itu tetap dengan angka-angka yang ada di sini.

Sekiranya kita berkehendakkan pentadbiran pendidikan kita di negeri-negeri maju dan jaya, maka semestilah peruntukan-peruntukan itu diberi lebih banyak kepada mereka, bukan dikurangkan. Kalau kita bercakap menjerit-jerit, bersyarat panjang manapun sekiranya tidak ada wang, apa yang kita cakap, apa yang kita ucapkan itu hanyalah merupakan angan-angan. Apa yang kita ucap dan kita sebut itu hanyalah merupakan hayalan sahaja kerana cakap tanpa wang tidak akan jadi apa-apa.....

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, sila gulung

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Saya baru berucap sedikit, baru yang pertama. Walau macamanapun, saya ringkaskan.

Di dalam masa Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan membuat jawapan beberapa hari yang lalu, telah membuat kenyataan bahawa Kementerian

tidak bercadang untuk menghapuskan Peperiksaan S.R.P., ertinya Peperiksaan S.R.P. itu dikekalkan, barangkali agak saya Peperiksaan S.R.P. itu digunakan untuk menjuruskan murid-murid ke dalam jurusan-jurusan sains, akademik ataupun jurusan-jurusan arts. Dalam perkara ini saya telah membuat beberapa penyelidikan dengan beberapa sekolah di kawasan Sungai Petani, saya dapati beberapa sekolah-sekolah menengah telah menyarankan secara tidak langsung kalau tidak memaksa, menyaran dengan sungguh-sungguh supaya murid-murid yang mendapat agregat 15, 16, 17, 18-20 supaya masuk ke jurusan sains, sekalipun murid-murid itu tidak mempunyai kecenderungan, walaupun mereka lebih cenderung di dalam mata pelajaran sastera. Jadi dengan sebab itu ada juga murid-murid yang membantah dan mahu masuk di dalam jurusan sastera. Apabila dibandingkan murid-murid yang mendapat antara baik dan tidak baik iaitu boleh saya katakan seperti mendapat agregat 15 umpamanya, dia masuk ke dalam jurusan sastera dan dia mendapat kelulusan S.P.M. yang begitu baik sekali, sedangkan pelajar yang sama dipaksa masuk atau digalakkan masuk ke dalam jurusan sains mereka mendapat kelulusan yang begitu merosot sekali, Gred III dan ada yang tidak lulus.

Di sini saya mencadangkan supaya pihak sekolah, tidak memberi dorongan seolah-olah matapelajaran sains itulah menjadi masa hidup cemerlang bagi mereka pelajar-pelajar. Bagaimana hendak mendapat kecemerlangan di dalam hidup, kalau peperiksaan sendiri tidak lulus, kerana murid-murid itu tidak mempunyai kecenderungan akan matapelajaran sains yang diambilnya itu.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Saya hendak tambah sedikit lagi, ada.....

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Sudah Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Sedikit lagi, Tuan Pengerusi, satu perkara lagi. Sebenarnya saya hendak cakap tetapi.....

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak boleh, Yang Berhormat, sudahlah, sebab kita tidak ada masa.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Tadi panjang sangat....

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Kita telah beri Yang Berhormat lebih masa.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Tidak sampai 10 minit. Tadi Tuan Pengerusi sebut diberi masa 10 minit.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Sekarang sudah 13 minit.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Sedikit lagi, berkenaan dengan sekolah desa.....

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Habiskan Yang Berhormat, satu minit lagi.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Ya, baik. Asrama Desa—kalau saya tengok dalam peruntukan ini, tidak tahulah kalau saya salah, peruntukan bagi projek ini ialah sebanyak \$2,750,000-Asrama Desa, dan di dalam peruntukan ini tidak menunjukkan perbelanjaan walaupun satu sen. Jadi, saya tidak tahu sama ada peruntukan ini baru tetapi peruntukan ini saya dengar sudah adalama. Untuk peruntukan bagi tahun 1986 hingga 1990 kekal \$2,750,000; peruntukan bagi tahun 1986 hingga 1988 kekal-tidak dibelanja; kemudian untuk tahun 1989-tidak ada di belanja; peruntukan itu dibawa ke tahun 1990. Itu satu dan saya harap peruntukan-peruntukan yang telah diberi seharusnya dibelanjakan oleh pihak-pihak yang berwajib di negeri, di pusat supaya faedah-faedahnya benar-benar dapat kepada orang ramai. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah (Lembah Pantai):** (*Bangun*)

**Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailand (Muar):** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ada lagi? Yang Berhormat, kita terpaksa habiskan perkara ini pada hari ini juga dan mulai dengan Kementerian Luar Negeri. Bolehkah Yang Berhormat pendekkan ucapan? Yang Berhormat dari Lembah Pantai dahulu.

5.43 ptg.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya cuba memendekkan mengikut arahan.

Berhubung dengan Maksud Bekalan B. 26 mukasurat 125, Butiran 010500 Pembangunan dan Bekalan-Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan, Aset-jumlah yang diperuntukkan \$2,014,900.

Tadi kita dengar semuanya berhubung dengan pembangunan sekolah-sekolah sama ada di bandar dan di luar bandar. Oleh kerana masa tidak mencukupi, saya menyuarakan masalah sekolah-sekolah yang ada di dalam bandar, khususnya di Kuala Lumpur. Sungguhpun perkara ini ada saya sentuh sedikit dalam ucapan Belanjawan tetapi sekarang saya mengharapkan supaya pihak Kementerian Pendidikan mengambil usaha yang lebih berhubung dengan sekolah-sekolah yang sekarang ini yang telah berumur 50 sehingga 80 tahun yang ada di Kuala Lumpur ini yang mana kedudukan sekolah-sekolah itu telah pun usang dan tentang bekalan ataupun pendawaian elektrik dan sebagainya telah pun lama dan ini menjadikan keadaan sekolah itu merbahaya kepada murid-murid.

Lagi satu, berhubung dengan sekolah-sekolah ini tidak mencukupi di Kuala Lumpur ini, khususnya di Wilayah Persekutuan. Kita takut kalau tidak ada tempat-tempat atau tanah-tanah yang sesuai disediakan buat masa ini untuk sekolah di masa yang akan datang, kita takut di Kuala-Lumpur ini akan menjadi Jepun dan Manila

yang ada sekolah pagi, sekolah petang dan sekolah malam. Ini akan terjadi jikalau sekiranya tidak diawasi kerana sekarang ini tanah-tanah tidak ada di Kuala Lumpur. Sungguhpun pihak Dewan Bandaraya telah mengadakan cadangan dan telahpun diadakan sebuah sekolah iaitu percubaan sekolah yang diadakan di flat-flat iaitu di Cheras dan keadaan ini ibu bapa tidak begitu merasai suka menghantar anak-anak mereka ke flat-flat ini iaitu disebabkan di atas flat untuk mereka tinggal dan di bawah untuk anak-anak mereka bersekolah. Dengan keadaan ini, memandangkan keadaan persekolahan, pandangan kepada anak-anak ini untuk berpelajaran rasa saya, saya sendiri pun memandang kemungkinan ini tidak sesuai kerana anak-anak itu kemungkinan Darjah 1, Darjah 2 dan seterusnya, rumah di atas, memikirkan perkara apa yang ada di rumah. Dalam keadaan ini, pelajaran mereka tidak dapat dipelajarai dengan seterusnya.

Oleh itu dalam keadaan ini, saya mengharapkan supaya pihak Kerajaan mencari tanah-tanah yang lebih sesuai dan kawasan-kawasan yang hendak didirikan persekolahan supaya dihadkan tanah-tanah perumahan supaya disediakan sekolah.

Soal yang ini juga, ini juga ada dua tiga masalah yang berlaku di Kuala Lumpur ini iaitu sekolah tumpang. Umpamanya, kawasan di Jalan Pantai-ini berkali-kali saya ulangkan iaitu satu Sekolah Rendah di Jalan Pantai yang sebelahnya ditumpang oleh Sekolah Jenis Kebangsaan Cina yang ada di situ-supaya pihak Kementerian mencari jalan supaya sekolah ini dapat ditempatkan sesuai untuk satu tempat di Sekolah Cina sendiri. Begitu juga berlaku kebakaran di Segambut baru-baru ini, Sekolah Tamil, ini juga menumpang di sekolah Segambut di sana supaya dapat dicari suatu jalan bagi mengatasi sekolah ini dapat diasingkan daripada Sekolah Kebangsaan yang tempat sekolah yang berkenaan sekarang ini tidak mencukupi untuk menampung Sekolah Kebangsaan sendiri.

Mukasurat 125 juga, Butiran 010600 Perkhidmatan Komputer. Di sini saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan

Menteri ataupun Menteri yang berkenaan, sejauh manakah perjalanan Kelab-kelab Komputer yang ada. Sekarang ini ada sekolah-sekolah yang membenarkan Kelab-kelab Komputer ini dijalankan dan ada sekolah-sekolah yang tidak membenarkan. Alasan asal yang diterima mengatakan ini adalah arahan daripada Kementerian tetapi bagaimana sebuah sekolah boleh dan sebuah sekolah lagi tidak boleh. Ini bukan berlaku di Wilayah Persekutuan sahaja tetapi ini berlaku di sekolah-sekolah luar bandar juga ada yang berkehendakan Kelab-kelab Komputer ini diwujudkan tetapi tidak mendapat kebenaran daripada Kementerian Pendidikan.

Berhubung dengan mukasurat 126, Butiran 010900 Bantuan kepada Badan-badan Pendidikan dan lain-lain iaitu Objek Am 40000 yang mana saya ingin bertanya di atas Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap yang mana di dalam perkara (iv) Bayaran Sekolah di Singapura yang diperuntukkan sebanyak \$100,000. Saya ingin bertanya untuk \$100,000 ini saya pun tidak tahu bagaimana kita boleh membayar sekolah di Singapura dengan perbelanjaan peruntukan \$100,000 ini.

Mukasurat 127, Butiran 040200 Penuntut Seberang Laut. Tadi telah pun disebut oleh Yang Berhormat dari Larut berhubung dengan penuntut-penuntut di luar negeri kita yang mana kita sering mendengar penuntut-penuntut ini apabila mereka belajar di luar negeri, sebelum pergi mereka ini elok, apabila mereka telah belajar dan bercampur-gaul dengan penuntut di sana, mereka ini menentang Kerajaan dan berbagai-bagai berlaku. Saya ingat Kementerian lebih arif dengan tabiat yang berlaku kepada penuntut-penuntut luar negeri.

Apa yang saya cadangkan di sini, dengan perbelanjaan sebanyak \$21,698,800 ini iaitu pihak Kementerian seharusnya menghantar pegawai-pegawai yang betul-betul bertauliah, pegawai-pegawai yang tahu selok-belok dari segi agama, dari segi

politik, dari segi perjalanan pentadbiran dalam negara kita ini. Dengan adanya pegawai-pegawai ini supaya dapat mereka ini memberi penerangan yang lebih lanjut. Kita tidak mahu menghantar pegawai-pegawai yang lebih muda, yang belum matang lagi, mereka ini sungguhpun ada pelajaran yang tinggi tetapi rasa saya harus pegawai-pegawai yang berkenaan ini dihantar dan memberi ceramah, penerangan di setiap institusi-institusi di seberang laut yang mana pegawai-pegawai pendidikan seberang laut ini diadakan supaya mereka ini benar-benar memberikan penerangan-penerangan yang lebih kerana kita tidak mahu. . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat. . . .

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Ya.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Sila sudahi.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Sedikit lagi.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Satu minit lagi.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Satu minit, sekejap sangat! Oleh itu, berhubung dengan Asrama ini juga—Butiran 040300 iaitu ini juga saya mengharapkan pihak Wilayah Persekutuan supaya diadakan sebuah Asrama khas untuk penduduk-penduduk di Kuala Lumpur. Ini amat penting kerana di Kuala Lumpur ini bukan semuanya orang kaya, ada juga anak-anak orang miskin yang berkehendakkan duduk di asrama-asrama yang disediakan oleh pihak Kerajaan.

Oleh itu, akhirnya—saya minta maaf sedikit—berhubung dengan Butiran 050400 Bahagian Buku Teks, iaitu peruntukan sebanyak 1.9 juta. Kita sekarang sering mendengar iaitu Kerajaan berkehendakkan untuk mendidik rakyat Malaysia melalui sistem pendidikan Kebangsaan supaya membolehkan mereka menjadi warga negara yang berpengalaman dan

bertanggungjawab terhadap negara dan bangsa. Oleh itu dalam keadaan ini kita selalu melihat keadaan penuntut-penuntut kita tidak tahu sejarah dalam negara kita ini yang sebenarnya. Pihak Kementerian mengharap mereka ini mempelajari sejarah luar negeri lebih daripada sejarah di dalam negara kita ini. Oleh itu dalam masalah ini, saya mencadangkan sungguhpun sudah ada, rasa saya, supaya melebihi lagi mata pelajaran Sejarah ini terutama dengan sejarah negara Malaysia ini daripada bila wujudnya negara ini. Bagaimana penjajah datang memerintah negara kita ini dan bagaimana negara kita mendapat kemerdekaan kerana dengan keadaan ini kita selalu mendengar, diungkit di sana diungkit di sini, kerana ada sejarah ini tidak diajar kepada anak-anak kita daripada kecil lagi. Oleh itu dalam keadaan ini, saya mengharap supaya bahagian buku teks ini mengadakan buku-buku sejarah yang dapat diajar sama ada di sekolah rendah, sekolah menengah dan sekolah tinggi.

Oleh kerana masa tidak mengizinkan lagi, saya mengucapkan terima kasih.

**Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan (Muar):** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, cuba pendekkan.

5.51 ptg.

**Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya suka merujuk kepada Maksud B.26, mukasurat 126, Butiran 020000—Pendidikan Rendah dan Menengah, juga Butiran 030000—Pendidikan Teknik dan Vokasional dan saya suka membahaskan tajuk-tajuk tersebut bersama-sama dengan Maksud P.26, mukasurat 130 Butiran 00100—Pendidikan Rendah, Butiran 00200—Pendidikan Menengah, Butiran 00300—Pendidikan Teknik dan Vokasional dan Butiran 00400—Pendidikan Teknik (Tinggi).

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Banyak Butiran, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan:** Saya hendak bincangkan bersama supaya saya dapat mengelakkan daripada . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Terima Kasih Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan:** Terima kasih. Perkara-perkara yang saya bangkitkan dan saya bawa perkara-perkara berikut untuk membuat perbandingan. Penekanan Kerajaan kepada Sekolah-sekolah Menengah dan juga penekanan dan perhatian Kerajaan kepada Sekolah Vokasional dan Teknik. Pada saya, daripada perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan menunjukkan bahawa Kerajaan menekankan kepada Sekolah Menengah dan menganaktirikan kepada Sekolah Teknik dan Sekolah Vokasional.

Dipandang daripada keperluan masa dan keperluan kepada pelajar-pelajar lulusan Sekolah Teknik dan Sekolah Vokasional menunjukkan bahawa pasaran buruh semasa berkehendakkan kepada pelajar-pelajar yang lulus daripada Sekolah Menengah Teknik dan lulusan daripada Sekolah Menengah Vokasional. Tetapi penekanan Kerajaan dilihat dari segi perbelanjaan yang diperuntukkan bagi tahun 1990 menunjukkan lebih kurang 93% daripada perbelanjaan diperuntukkan bagi Sekolah-sekolah Menengah dan dengan ini menunjukkan bahawa perkara yang lebih mustahak, pengeluaran pelajar-pelajar yang lebih dapat dimanfaatkan bagi pasaran buruh yang sedia ada tidak diambil kira dan diberikan perhatian oleh pihak Kementerian.

Saya hendak tanya kepada pihak Kementerian mengapa pihak Kementerian tidak memberikan penekanan kepada Sekolah Teknik dan Sekolah Vokasional pada hal Kementerian memahami dan rakyat

mengetahui keseluruhan daripada lulusan Sekolah Vokasional dan Sekolah Teknik tidak ada seorang pun yang menganggur dan dapat diterima oleh pasaran buruh yang sedia ada. Padahal Sekolah Menengah dan Sekolah Teknik ini hanya memerlukan masa lebih kurang tiga tahun sahaja iaitu pelajar-pelajar yang telah lulus daripada Tingkatan 3 iaitu mereka masuk Tingkatan 4 dan Tingkatan 5. Bagi sekolah-sekolah menengah biasa Kerajaan terpaksa menyediakan sekolah, menyediakan tenaga pengajar dan pendidik dan masa untuk membesarkan pelajar-pelajar ini daripada Tingkatan 1, Tingkatan 2, Tingkatan 3, Tingkatan 4 dan Tingkatan 5. Jadi, dibandingkan dengan besarnya perbelanjaan dan pelajar-pelajar ini tidak dapat diterima dan diserapkan dalam pasaran buruh yang ada. Saya percaya dan saya harap pihak Kerajaan memberikan penekanan daripada masa ini untuk mendirikan lebih banyak lagi sekolah menengah bertaraf Sekolah Menengah Vokasional dan Sekolah Menengah Teknik.

Dengan adanya pembangunan separuh mahir, separuh profesional daripada lepasan Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional, saya percaya sebahagian daripada masalah Kementerian-kementerian lain untuk memberikan kefahaman profesional, pendidikan profesional kepada belia dan beliawanis di negara akan dapat diselesaikan iaitu masalah memberikan pendidikan profesional ini diberikan mandatnya kepada Kementerian Pendidikan pada peringkat awal lagi. Jangan pula seperti yang berlaku pada masa ini iaitu pihak Kementerian Belia dan Sukan yang hanya boleh mengadakan lebih kurang 6 sekolah Vokasional ataupun pihak MARA diberikan tugas dan tanggungjawab. Pada hal sebenarnya untuk memberikan pendidikan vokasional dan teknik ini adalah tugas dan tanggungjawab Kementerian Pendidikan yang terlibat secara langsung untuk memberikan pendidikan dan pendidikan yang saya maksudkan kalau boleh ialah pendidikan yang boleh dimanfaatkan oleh para belia ini sehingga mereka ini boleh menggunakan ilmunya untuk berdikari. Buat setakat pada masa ini apabila mereka lulus Tingkatan 3

ataupun lulus Tingkatan 5 boleh dikatakan tiap-tiap seorang yang lulus ini tidak mengerti satu apapun. Hendak suruh taip satu surat pun tidak mengerti hendak menaip, hendak suruh berternak pun tidak mengerti berternak, hendak melibatkan diri dalam pertanian tidak mengerti juga. Hendak suruh dia membuka bengkel, dia pun tidak erti hendak buka bengkel. Hendak betulkan lampu dia pun tidak mengerti kerja electrician.

Jadi, kita memerlukan pertolongan dari pihak lain, kita memerlukan satu perbelanjaan lain untuk memberikan pendidikan ini pada hal kita telah memberikan begitu banyak masa, 11 tahun pelajar-pelajar kita mengikuti pendidikan sekolah rendah dan sekolah menengah, akhir-akhirnya masa begitu lama yang telah digunakan, begitu banyak perbelanjaan yang telah dikeluarkan, kita memerlukan Kementerian lain untuk memberikan profesionalisme kepada pelajar-pelajar ini.

Harapan saya ialah bahawa Kerajaan kalau sekarang ini memberikan peruntukan pembangunan hanya setakat \$337 juta bagi Sekolah Teknik dan Vokasional dan Sekolah Teknik (Tinggi) seperti diperuntukkan di bawah Butiran 00300 dan 00400 hendaklah dipertingkatkan supaya pada masa yang akan datang tidak hanya setakat 3% sahaja daripada keluaran sekolah yang mempunyai pendidikan vokasional dan teknik, kalau boleh separuh daripada pelajar-pelajar kita yang lulus daripada sekolah menengah hendaklah mempunyai kemahiran teknik dan vokasional.

Tuan Pengerusi, setakat itulah sahaja yang saya hendak cakapkan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad):** *(Bangun)*

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Lebih kurang berapa lama jawapan Yang Berhormat? Saya sedar ramai

Ahli Yang Berhormat yang telah berucap. Walau bagaimanapun, seberapa yang boleh, sila ringkaskan.

**Dr Leo Michael Toyad:** Dalam setengah jam.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Sila.

5.59 ptg.

**Dr Leo Michael Toyad:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebelum saya memberi jawapan atas perkara-perkara yang telah ditimbulkan dalam perbincangan di peringkat Jawatankuasa ini saya mengucapkan ribuan terima kasih atas teguran-teguran dan apa yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbincangan tadi dan dalam masa yang singkat ini saya harap dapatlah memberi jawapan-jawapan atas perkara-perkara yang telah dikemukakan dan apa yang saya tidak dapat menjawab, saya harap dapat saya jelaskan secara bertulis.

Semalam Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, Rantau Panjang dan Sabak Bernam telah menimbulkan perkara berkaitan dengan bantuan sekolah Agama Rakyat. Adalah tidak benar dinyatakan bahawa bantuan tidak diberikan kepada Sekolah Agama Rakyat. Bantuan pengurusan berdasarkan kepada bilangan murid-murid telah diberikan sebanyak \$6.3 juta pada tahun 1988 dan sebanyak \$7.1 juta bagi tahun 1989. Jadi, pada masa ini seramai 607 orang guru dari Kementerian Pendidikan telah dihantar dan berkhidmat di Sekolah-sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Agama Negeri.

Jadi, bantuan untuk membina asrama, sekolah dan buku teks juga diberikan kepada pihak-pihak yang memohon. Manakala kursus-kursus tertentu telah diberikan kepada guru besar dan guru-guru mereka. Dari segi kurikulum pula, sebenarnya pada masa ini ada sebilangan sekolah-sekolah agama rakyat yang mengikut kurikulum kebangsaan dan adalah diharapkan di masa-masa akan datang lebih banyak sekolah tersebut akan juga mengikut kurikulum kebangsaan kita.

Berkaitan dengan penyelarasan sukatan pelajaran di sekolah agama rakyat, walaupun sekolah-sekolah ini tidak terletak di bawah jagaan Kementerian Pendidikan, Kementerian ini bersedia memberi bantuan dalam penggubalan sukatan pelajaran mereka dari peringkat rendah dan menengah bila-bila sahaja pihak sekolah agama rakyat memerlukannya.

Mengenai soal untuk meningkatkan taraf pendidikan Islam di sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan telah pun dan sedang menjalankan pelbagai langkah dalam usaha ini. Antaranya ialah, menggubal sukatan pendidikan agama yang baru bagi peringkat rendah dan menengah. Sukatan ini mencakupi aspek-aspek aqidah, syariah dan akhlak yang bersumberkan Al-Quran dan Al-Sunnah. Selain dari itu, juga mengadakan kursus orientasi untuk kakitangan penting dan guru-guru sekolah rendah dan menengah dan menyediakan juga buku-buku panduan khas pendidikan Islam, buku panduan khas Jawi dan kitab agama untuk sekolah rendah dan huraian sukatan pelajaran untuk sekolah menengah.

Kenyataan bahawa prestasi pendidikan Islam semakin merosot adalah tidak benar sama sekali. Dari kajian yang telah dibuat oleh Kementerian Pendidikan, peningkatan pendidikan Islam adalah jelas di mana didapati 70% pelajar adalah di peringkat baik, 20% di peringkat sederhana dan hanya 10% sahaja di peringkat lemah. Prestasi murid-murid dalam bacaan Al-Quran dan tulisan Jawi adalah bertambah baik. Sukatan pendidikan agama dalam KBSR, antara lain, memberi penekanan kepada aspek-aspek fardhu ain dan membaca Al-Quran dengan penekanan kepada hukum-hukum tajwid dan sebutan yang betul. Di peringkat menengah, aspek fardhu ain ini dan pembacaan Al-Quran juga ditekankan. Di pihak Kementerian melalui pegawai-pegawai di Jabatan Negeri dan Pejabat pendidikan Daerah sentiasa mengesan pencapaian murid-murid dalam aspek yang disebutkan itu. Jadi, sudah menjadi lumrah bahawa penguasaan sesuatu kemahiran tidak sama bagi semua murid, jadi ada yang dapat menguasainya dalam masa yang

singkat dan sebaliknya. Jadi memandangkan bahawa fardhu ain dan pembacaan Al-Quran adalah musthak, aspek-aspek tersebut telah ditekankan di peringkat sekolah menengah. Dengan cara yang demikian, kelemahan-kelemahan yang terdapat di sekolah rendah akan dibolehkan di peringkat menengah.

Dengan pelaksanaan KBSM mata-pelajaran agama telah diberi penekanan yang belum pernah diberi dalam sejarah pendidikan di negara ini. Sebelum KBSM, jumlah jadual waktu yang diperuntukkan ialah 3 waktu seminggu. Jadi dalam KBSM waktunya ditingkatkan kepada 6 waktu di mana 3 waktu diperuntukkan untuk pengajaran matapelajaran secara akademik dan 2 waktu untuk ko-kurikulum agama dan 1 waktu untuk amali. Jadi masa pembelajaran juga dipertingkatkan, iaitu dari 35 minit kepada 40 minit bagi 1 waktu.

Menyentuh tentang peluang melanjutkan pelajaran pada peringkat Ijazah Lanjutan bagi pensyarah-pensyarah Akademi Islam di Universiti Malaya dan kebolehan-kebolehan pensyarah tersebut menguasai bahasa Arab, sebenarnya Kementerian Pendidikan menyediakan berbagai jenis biasiswa untuk pensyarah-pensyarah universiti tempatan melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Lanjutan. Pensyarah-pensyarah berkenaan perlulah mempunyai kelayakan yang sesuai dengan keperluan universiti dan juga bidang-bidang yang sesuai dengan pembangunan taraf akademik universiti.

Lulusan sekolah-sekolah Kerajaan, khususnya sekolah-sekolah agama Kerajaan adalah diiktiraf di luar negeri. Kini terdapat 105 orang pelajar di Morocco, 25 orang di Jordan dan lebih dari 500 orang di Mesir. Bilangan mereka juga terdapat di negara-negara Arab yang lain. Lulusan Kolej Islam diiktirafkan dalam Universiti Al-Azhar.

Mengenai tapak tetap Universiti Islam Antarabangsa, semua universiti di Malaysia mempunyai kampus induk dan kampus cawangan. Keadaan yang sama akan berlaku terhadap Universiti Islam Antara-

bangsa sebagai satu cara untuk kita mengagihkan pembangunan di negara kita. Oleh yang demikian, perancangan sedang dibuat supaya Universiti Islam Antarabangsa mempunyai kampusnya sendiri.

Yang Berhormat dari Maran dan Rantau Panjang telah menimbulkan isu asrama desa dan juga Ahli-ahli yang lain. . . .

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Yang Berhormat, dari Pengkalan Cepa.

**Dr Leo Michael Toyad:** Mungkin saya tidak dapat beri.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak ada masa.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tak ada masa, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya hendak minta penjelasan, fasal jawapan tidak tepat.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Yang Berhormat tak ada masa.

**Dr Leo Michael Toyad:** Mungkin kalau tidak tepat, lebih kurang kita boleh bincangkan kemudian.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan yang Berhormat.

**Dr Leo Michael Toyad:** Yang Berhormat dari Maran dan Rantau Panjang telah menimbulkan isu asrama desa. Sebenarnya tujuan untuk mewujudkan asrama desa ini adalah untuk memberikan peluang kepada pelajar-pelajar luar bandar untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan pembelajaran yang lebih selesa dan untuk memerangsangkan. Jadi, bilangan asrama desa yang telah dibinakan di luar bandar sehingga kini ialah sebanyak 124 buah. Dalam Rancangan Malaysia Keenam sejumlah 137 buah lagi asrama desa ini akan dibina untuk sekolah-sekolah rendah dan menengah. Jadi, pembinaan asrama desa adalah berdasar-

kan kepada kriteria-kriteria yang telah ditetapkan dan termasuklah pembinaannya di daerah-daerah yang ditarafkan kemiskinan dan kawasannya terpencil dan menimbulkan masalah pengangkutan untuk pelajar-pelajar di kawasan itu dan juga adanya keperluan asrama di daerah berkenaan.

Menyentuh tentang asrama-asrama sekolah, saya ingin menegaskan di sini bahawa Kementerian Pendidikan sentiasa mengambil berat tentang keperluan dan kelengkapan asrama-asrama sekolah, terutamanya di luar bandar. Usaha telah dan akan terus diambil untuk memastikan asrama-asrama ini di sekolah kita mempunyai kemudahan-kemudahan asas yang sesuai dan juga yang mencukupi.

Soal rumah guru-guru di luar bandar yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat juga dalam Dewan ini, sebenarnya Kementerian Pendidikan juga telah menyediakan rumah-rumah guru bagi sekolah-sekolah di luar bandar. Bagi tahun 1989 sahaja kita telah memperuntukkan \$8.4 juta untuk maksud ini.

Yang Berhormat dari Maran dan juga Sabak Bernam pula telah membangkitkan isu pembinaan Pejabat-pejabat Pendidikan Daerah. Sebenarnya Kementerian Pendidikan memberi keutamaan bagi pembinaan bilik-bilik darjah. Juga memandang peruntukan yang terhad, pada masa ini pembinaan pejabat-pejabat untuk Pejabat Pendidikan Daerah tidak dapat dilaksanakan dengan segeranya di seluruh negara.

Kami mengucapkan terima kasih atas saranan Yang Berhormat dari Sabak Bernam juga mengenai pembekalan komputer ini. Memang sudah ada dalam perancangan Kementerian untuk membekalkan peralatan komputer ini bagi keperluan pengkomputeran pengurusan semua pejabat.

Kementerian Pendidikan juga akan memberi perhatian yang serius dalam pendaftaran dan penyeliaan sekolah-sekolah swasta seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Sabak Bernam.

Penubuhan sebuah sekolah swasta adalah dikawal oleh peruntukan-peruntukan undang-undang, terutamanya dalam Akta Pelajaran, 1961. Seksyen 44 Akta tersebut ada memperuntukkan semua sekolah dan institusi pendidikan, melainkan jika dikecualikan, sekolah-sekolah ini hendaklah didaftarkan di bawah Akta tersebut.

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kepong bangun.

**Dr Leo Michael Toyad:** Minta maaf, Yang Berhormat. Saya ada banyak lagi jawapan. Yang Berhormat boleh kemukakan masa yang lain kerana Dewan masih bermesyuarat.

Mengenai permohonan untuk mendaftarkan sebuah sekolah ataupun institusi pendidikan diteliti oleh Pendaftar Sekolah-sekolah Negeri. Hanya setelah Pendaftar ini berpuas hati bahawa sesebuah sekolah itu sesuai ditubuhkan dan bangunan yang dicadangkan adalah sesuai serta selamat digunakan sebagai sebuah sekolah.

Mengenai pengesahan jawatan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat yang sama, memang menjadi hasrat Kementerian untuk mengesahkan mereka yang sedang memangku sesuatu jawatan. Tujuannya adalah untuk melicinkan proses pentadbiran, proses pemindaan dari skim lama kepada skim baru. Jadi urusan pengesahan kenaikan pangkat bagi pegawai kategori C dan D telahpun dilaksanakan peringkat demi peringkat. Buat masa ini negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perlis, termasuk negeri Melaka telahpun dimaklumkan. Jadi, semua urusan pengesahan ini dijangka akan selesai selewat-lewatnya pada bulan Januari 1990.

Mengenai pindaan Akta Pelajaran 1961 ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Seremban, sebenarnya Akta Pendidikan ini sedang di peringkat penggubalan. Seksyen 21(2) ini memang dalam perhatian Kemen-

terian Pendidikan dan tindakan sewajarnya sedang diambil melalui reformasi pendidikan yang akan dapat diterima oleh semua pihak.

Menyentuh tentang penarikan balik pengiktirafan ijazah perubatan Universiti Malaya oleh General Medical Council (GMC) of United Kingdom, antara sebab yang diberikan ialah kekurangan pensyarah. Sebenarnya ijazah perubatan dari Universiti Malaya sekarang menerima partial recognition daripada GMC, dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ini bermakna para lulusan ijazah perubatan dari Universiti Malaya masih boleh melanjutkan pelajaran di United Kingdom. Walau bagaimanapun Kementerian Pendidikan pula telah mengambil tindakan-tindakan tertentu untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang telah dinyatakan oleh General Medical Council seperti:

- (i) mengisikan kekosongan jawatan-jawatan tenaga pengajar kita di Fakulti Perubatan;
- (ii) mempercepatkan lagi proses pengambilan pensyarah-kontrak yang berkaliber dari luar negeri;
- (iii) untuk mengkaji semula Skim Perkhidmatan Pensyarah-pensyarah Fakulti Perubatan; dan
- (iv) memperkukuhkan lagi kurikulum program di bawah Fakulti Perubatan.

Kenyataan bahawa Kementerian Pendidikan tidak pernah memberi bantuan kepada sekolah-sekolah seperti SRJK Rahang dan SRJK Tangga Batu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat ini seperti yang didakwa dalam Dewan yang mulia ini adalah tidak benar sama sekali. Sebenarnya, Kerajaan telah pun memberi bantuan sebanyak \$75,649 kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Rahang untuk membina satu bangunan dua-tingkat. Kerajaan juga telah memberi bantuan sebanyak \$23,669 kepada SRJK Tangga Batu untuk membina balik darjah, bilik Guru Besar dan tandas sekolah. Permohonan terakhir yang dibuat

oleh SRJK Tangga Batu ialah pada tahun 1986 iaitu untuk membina stor dan pagar sekolah yang dipohon pada tahun itu. Oleh kerana Kementerian Pendidikan memberi keutamaan kepada pembinaan bilik darjah, permohonan itu tidak dapat dipertimbangkan.

Berhubung dengan bantuan kepada sekolah-sekolah Mubaligh dan SRJK(C), sehingga akhir November, 1989 sebanyak \$358,900 telah diberikan kepada 15 buah sekolah rendah Mubaligh dan \$556,000 kepada 15 buah sekolah menengah Mubaligh, manakala 323 buah SRJK(C) telah pun diberikan bantuan sebanyak \$7,042,250 untuk tempoh yang sama.

Berhubung dengan perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ampang Jaya tadi mengenai pendidikan rendah dan menengah serta peruntukan untuk pengambilan guru-guru di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah, sebenarnya, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengatasi masalah kekurangan guru ini di 12 buah sekolah menengah vokasional lagi yang telah didirikan dengan pinjaman Asean Development Bank dan untuk pengambilan guru-guru yang berkurangan di sekolah SRJK yang telah dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, bahawa ini adalah dalam pertimbangan dan dikendalikan oleh Kementerian.

Mengenai perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu juga tadi berkaitan dengan masalah kekurangan gunatenaga yang mahir di dalam sektor pembuatan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 12 buah sekolah menengah vokasional lagi sedang didirikan di bawah pinjaman Asean Development Bank yang ketiga. Sekolah-sekolah menengah vokasional ini akan mengendalikan kursus-kursus di samping menampung keperluan tenaga separuh mahir, dan 10 buah lagi sekolah akademik dan vokasional akan ditambah dengan kemudahan-kemudahan menjalankan kursus-kursus vokasional sahaja.

Perkara yang juga ditimbul oleh Ahli Yang Berhormat dari Ampang Jaya tadi ialah bahawa berapakah bilangan sekolah yang telah dibina dan akan dibina mengikut jenis? Ini sebenarnya kita akan sentiasa memberi tumpuan kepada keperluan sekolah yang mana kita memberi peruntukan-peruntukan untuk membina atau gantikan bangunan sekolah atau memperbaiki sekolah-sekolah di bawah jagaan Kementerian Pendidikan dan di mana bantuan diberi sewajarnya. Yang penting sekali ialah untuk kita menguruskan dengan memberi perkhidmatan pendidikan kepada pelajar-pelajar kita. Mengenai angka-angka mengikut jenis-jenis sekolah yang begitu tepat di bawah Rancangan Malaysia Kelima ialah 2,212 projek setakat ini, dan pembinaan sekolah adalah mengikut keperluan setempat dan kawasan sepertimana yang saya katakan tadi.

Satu perkara lagi yang juga telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat mengenai biasiswa dan dermasiswa. Peruntukan \$88 juta ini adalah meliputi beberapa skim biasiswa yang diadakan di Kementerian Pendidikan, termasuknya biasiswa kecil Persekutuan, biasiswa Tingkatan Enam, biasiswa asasi Sains, kebanyakan biasiswa diploma pendidikan dan latihan pegawai-pegawai perkhidmatan pendidikan. Jadi, hanya skim biasiswa kursus ijazah pertama sahaja yang tertakluk kepada pelaksanaan agihan dalam bentuk 20% biasiswa dan 80% pinjaman. Jadi, untuk maksud ini sejumlah \$2.6 juta dari jumlah \$88 juta itu telahpun diperuntukkan bagi pemberian biasiswa.

Mengenai tiga perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas tadi, saya ingin untuk memberi penjelasan di sini. Berhubung dengan pertukaran guru yang telah dituduhkan bahawa pertukaran guru ini adalah atas tekanan-tekanan politik, ini saya nafikan di sini. Ini tidak menjadi asas bagi kita menukar dan menempatkan pegawai-pegawai pendidikan kita. Yang saya ingin menekankan di sini iaitu dasar kita membuat pertukaran guru adalah berasaskan kepentingan perkhidmatan kita untuk

mengikut matapelajaran dan kenaikan pangkat mereka dan juga mengimbangkan jumlah-jumlah guru yang terlatih di antara bandar dan luar bandar. Pertukaran juga diasaskan kepada permohonan mereka yang ingin mengikut suami/isteri atau selepas berkhidmat selama lima tahun misalnya, guru-guru yang telah berkhidmat di Sabah dan Sarawak dan memohon balik ke negeri masing-masing.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat.

**Dr Leo Michael Toyad:** Yang keduanya.....

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tidak ada masa dan juga kerana saya telah menolak permintaan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain-sudah adil saya ingat.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan Yang Berhormat.

**Dr Leo Michael Toyad:** Satu perkara lagi telahpun ditimbulkan di sini iaitu di setiap sekolah menengah rendah harus diwujudkan perpustakaan yang lengkap dan buku-buku yang kemaskini. Memang adalah hasrat Kementerian untuk menyediakan perpustakaan dan kemudahan-kemudahan pusat sumber atau buku-buku rujukan dan buku-buku bacaan di sekolah-sekolah kita termasuk yang di bandar dan di luar bandar yang kebanyakannya masih kekurangan. Jadi, satu rancangan khas diusahakan oleh Kementerian Pendidikan. Jadi, dalam program pinjaman Bank Dunia yang kelapan, \$41.1 juta telahpun diperuntukkan untuk membeli buku-buku bagi perpustakaan sekolah menengah rendah terutamanya bagi sekolah-sekolah di luar bandar.

Mengenai satu perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir

Mas juga tadi bahawa usul bayaran royalti kepada sasterawan negara Sdr. Samad Said dan usul bayaran royalti dinaikkan kepada sastrawan pada amnya.

Segala bayaran kepada Sdr. Samad Said telahpun dijelaskan. Maklumat lanjut kalau Ahli Yang Berhormat ingin mendapatkannya, saya boleh kemukakan, tetapi dukacita kerana masa tidak mengizinkan, dan kerana itu saya boleh saya sampaikan kepada beliau kalau Ahli Yang Berhormat itu menginginkannya.

Persoalan yang kedua, kadar bayaran royalti yang dibayar oleh Dewan Bahasa dan Pustaka adalah boleh dikatakan suatu kadar royalti yang tertinggi sekali di kalangan penerbit-penerbit buku di Malaysia. Jadi, memang kita telah memberikan perhatian dan juga memberikan dorongan kepada para penulis dan sastrawan kita di negara ini.

Dan untuk menjawab perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok mengenai perkara peruntukan Skim Pinjaman Buku Teks untuk tahun 1990 kurang daripada tahun 1989, peruntukan Skim Bantuan Buku Teks ini untuk 1990 kurang dari peruntukan 1989 kerana Kementerian telah memberikan buku-buku teks ke sekolah-sekolah berdasarkan keperluan sahaja. Ada buku teks yang masih boleh digunakan dan ada buku teks yang perlu diganti kerana rosak dan juga buku-buku yang tidak dapat digunakan lagi. Jadi buat masa sekarang ini, bantuan buku teks ini diberikan kepada murid-murid yang dikatakan 90% dari pelajar-pelajar kita dan pengagihan ini terpulanglah kepada kelayakan dan kedudukan latarbelakang pelajar-pelajar berkenaan.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Cuba gulungkan, Yang Berhormat.

**Dr Leo Michael Toyad:** Saya cuba ini, Tuan Pengerusi. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya cuba dan kalau saya tidak dapat menjawab di sini, saya akan menyampaikan secara bertulis.

Dan satu lagi perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok tadi mengenai buku-buku rujukan dan bacaan dalam bahasa Jepun, bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain, pihak Dewan Bahasa dan Pustaka memanglah telah memberikan pertimbangan untuk memperluaskan lagi usaha mereka untuk memberikan perkhidmatan buku-buku untuk meninggikan lagi kemudahan di kalangan pelajar-pelajar dan masyarakat di Malaysia amnya.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap telahpun menyentuh serba sedikit mengenai asrama desa yang telah saya jawabkan tadi.

Satu perkara lagi yang juga telah ditimbulkan ialah pertimbangan semula ganjaran-ganjaran bagi pegawai-pegawai pengawas peperiksaan, ini juga telah ditimbulkan juga oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Ingin saya menyatakan di sini bahawa Lembaga Peperiksaan sedang menimbangkan semula ganjaran pengawas peperiksaan ini tetapi elau ini adalah tertakluk kepada Arahan Perbendaharaan, dan sama ada mungkin kita dapat memberikan pertimbangan yang baik atau tidak, itu adalah bergantung kepada keadaan atau apa yang sepatutnya dapat dijelaskan. Dan ini semata-mata untuk makluman Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini bahawa peruntukan ini adalah untuk menambahkan belanjawan selain dari elau-elau yang lain untuk pegawai-pegawai pendidikan di Kementerian.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap juga telah menimbulkan bahawa hukuman hendaklah setimpal ke atas orang-orang yang bertanggungjawab mengenai kertas peperiksaan. Dalam perkara ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kertas peperiksaan adalah dikelaskan "sulit" dan sehingga kertas itu dibuka pada hari peperiksaan. Oleh yang demikian, orang-orang yang tidak bertanggungjawab berkaitan dengan kebocoran ini akan didakwa berasaskan kepada Akta Rahsia Rasmi. Dan kerana kita ada undang-undang, maka dapatlah kita mengharapkan hukuman mereka

ini dijalankan dengan sepatutnya.

Satu perkara lagi yang telah ditimbulkan juga oleh Ahli Yang Berhormat dari Larut mengenai pelajar-pelajar di luar negeri. Pada masa ini, pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan yang bertugas di luar negeri sedang mengawal kegiatan pelajar-pelajar kita di luar negeri daripada aktiviti-aktiviti yang tidak diingini dan sebarang kegiatan yang membenci Kerajaan ataupun menjadi ahli dakwah ikutan, jadi di sini saya ingin menyatakan juga bahawa Jabatan Penuntut Malaysia di luar negeri sekarang ada juga dibekalkan dengan ustaz-ustaz atau pegawai agama yang memberikan bimbingan agama kepada penuntut-penuntut kita di sana.

Ahli Yang Berhormat dari Larut juga telah menimbulkan dan minta Kementerian menaikkan biasiswa kepada penuntut-penuntut kita di United Kingdom dan USA. Kerajaan memang mengkaji dari semasa ke semasa keperluan menaikkan elaun sara hidup pelajar di luar negeri termasuk di UK dan USA. Jadi, elaun pelajar di UK telahpun dinaikkan baru-baru ini dan Kerajaan sedang mengkaji cadangan untuk menaikkan elaun pelajar kita di Amerika Syarikat.

Ahli Yang Berhormat dari Serian telah minta tambah peruntukan kewangan kepada sekolah-sekolah di Sarawak, terutamanya di luar bandar bagi mengelakkan kanak-kanak kita memotong rumput di sekolah. Kementerian Pendidikan sentiasa memberikan perhatian kepada keadaan di sekolah-sekolah, tidak kira sama ada di bandar ataupun di luar bandar. Pada setiap tahun peruntukan telahpun ditambah bagi memastikan supaya keadaan di setiap sekolah dapat diselenggarakan dengan baik dan mempunyai pekerja dan peralatan yang mencukupi.

Tuan Pengerusi, dengan kerana masa yang tidak mencukupi, saya sekali lagi ingin memberikan jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyuarakan pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan kepada Kementerian pada hari

ini dan hari kelmarin, maka kami akan memberikan pertimbangan yang sewajarnya dan di mana perkara-perkara yang saya tidak dapat sentuhkan di sini, saya ingin memohon maaf dan saya harap akan dapat memberikan jawapan secara bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat seke- luan. Dengan itu, saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan teguran yang membina. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijan- dran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$4,664,243,600 untuk Maksud B.26 di bawah Kementerian Pendidikan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$4,664,243,600 untuk Maksud B.26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijan- dran):** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$1,368,284,860 yang disebutkan dalam Maksud P.26 dalam Anggaran Pembangunan, 1990 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,368,284,860 untuk Maksud P.26 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1990.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang, hari Isnin.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*